

**Bil. 35**

**Selasa  
16 Julai 1996**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGKAL KEDUA  
MESYUARAT KEDUA**

## KANDUNGAN

<b>JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN</b>	[Ruangan 1]
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	[Ruangan 17]
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1996) 1996	[Ruangan 17]
<b>USUL:</b>	
Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) 1996	[Ruangan 17]
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	[Ruangan 56]
<b>UCAPAN PENANGGUHAN:</b>	
Kenaikan Tambang Feri Pulau Pinang-Butterworth— —Y.B. Tuan Lim Hock Seng (Bagan)	[Ruangan 56]

## AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI  
DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,  
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.  
(Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR  
BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N.  
(Permatang Pauh).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, D.G.S.M.,  
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).
- „ Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J.,  
D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,  
D.P.C.M. (Beruas).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK,  
P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH  
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pertanian, DATUK SERI AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI  
DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).
- „ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'  
(DR.) HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T.,  
P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI  
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P.,  
D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,  
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN  
CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T.,  
J.P. (Bentong).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN  
DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N.  
(Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING,  
P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW  
PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- „ Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR,  
D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- „ Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- „ Menteri Kesihatan, DATUK CHUA JUI MENG, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DR. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR. IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK WIRA MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB BINTI ABU BAKAR, S.M.J., (Tebrau).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH, P.J.K. (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MUHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR. HAJI SHAFIE BIN MOHD. SALLEH, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN, D.P.M.J., (Tenggara).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL, P.G.D.K. (Semporna).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL, P.J.K. (Hulu Selangor).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- „ TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ TUAN ABDUL RAHIN BIN DATO' MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- „ DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG, A.M.N. (Kuala Pilah).
- „ TUAN AHMAD HUSNI BIN MOHD. HANADZLAH, P.P.T., A.M.P. (Tambun).
- „ TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA, P.J.K. (Jerantut).
- „ DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok).
- „ PUAN AINON KHARIYAH BINTI DATO' MOHD. ABAS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- „ TUAN AMIHAMZAH BIN AHMAD (Lipis).

- Yang Berhormat DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN ASMAT NUNGA (Beluran).
- „ DATO' HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan).
- „ TUAN HAJI BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ, A.S.A.(Hulu Langat).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timor).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA, P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- „ TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- „ DATO' JOSEPH CHONG CHEK AH, D.S.P.N. (Batu).
- „ PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
- „ TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ TUAN FU AH KIOW (Mentakab).
- „ TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- „ DATO' HAJI HANAFI BIN RAMLI, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun).
- „ TUAN HASHIM BIN ISMAIL, P.P.N., P.I.S. (Ledang).
- „ TUAN HENRYNUS AMIN, A.D.K. (Kinabalu).
- „ DATO' HEW SEE TONG, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar).
- „ TUAN HO CHEONG SING, A.M.N. (Ipoh Barat).
- „ DATO' HON CHOON KIM, D.S.N.S. (Seremban).
- „ TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN JACOB DUNGAU SAGAN, P.P.B. (Baram).
- „ DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN DATO' MOHD. JARJIS, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- „ TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DATO' DR. KAMAL BIN SALLEH, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju).
- „ TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ DR. L. KRISHNAN, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN LAU NGAN SIEW, A.D.K. (Sandakan).
- „ DR. LEE CHONG MENG (Bukit Bintang).

- Yang Berhormat DR. G. LEELAVATHI, A.M.N. (Kapar).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- „ PUAN LIM LAY HOON, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM SI CHENG, P.I.S. (Senai).
- „ TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
- „ DATO' HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).
- „ DR. MAXIMUS JOHNNITY ONGKILI, A.S.D.K., J.P. (Bandau).
- „ TUAN MD. ISA BIN SABU (Kangar).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA, B.B.S. (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN, P.I.S., (Johor Bahru).
- „ DATUK MOHD. SALLEH BIN TUN SAID, P.G.D.K. (Kota Belud).
- „ DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut).
- „ TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
- „ TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K., J.P. (Hulu Terengganu).
- „ TUAN HAJI NIK MOHD. AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN NOH BIN OMAR, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ DR. NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- „ DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DATO' OTHMAN BIN ABDUL, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN PAUL NOUTIN, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN PHILIP YONG CHEW LIP, A.D.K. (Gaya).
- „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- „ DR. RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- „ MULIA TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).



- Yang Berhormat TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM, P.P.B. (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD, P.I.S. (Parit Sulong).
- „ DATO' SALAMON BIN SELAMAT, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- „ DATUK S'NG CHEE HUA, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau).
- „ DATUK SONG SWEE GUAN, P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ CIK SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- „ DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED, D.J.M.K., J.P. (Machang).
- „ DR. TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- „ DR. TAN KEE KWONG (Segambut).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- „ DR. TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ DR. TAN YEE KEW (Kelang).
- „ TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- „ TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN, P.I.S. (Gelang Patah).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN, B.K.M. (Pokok Sena).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR, P.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ TUAN WONG KAM HOONG, K.M.N. (Bayan Baru).
- „ DATO' YAP PIAN HON, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang).
- „ DR. YAP YIT THONG, A.M.P., A.M.N. (Lumut).
- „ DR. YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- „ TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- „ TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- „ TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- „ DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB, A.D.K. (Sipitang).
- „ TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- „ TUAN HAJI ZAINUDDIN BIN HAJI MOHAMAD NOR, S.M.K. (Pasir Mas).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah).

---

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat:	Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha:	Said bin Sidik.
Pmk. Ketua Penolong Setiausaha:	Abdullah bin Abdul Wahab.
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman.

### CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah.
Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Haji Suhor bin Husin. Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop. Hajah Supiah binti Dewak. Mohamed bin Osman. Hajah Norishah binti Mohd. Thani. Zaharah binti Naim. Norwahidah binti Azizi. Jainah binti Sakimin. Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop. Shamsina binti Janor.

### CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat:	Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib. Mejar (B) Zakaria bin Salleh.
--------------------	---

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

Selasa, 16 Julai 1996

*Mesyuarat dimulakan pada pukul  
2.30 petang*

DOA

(Tuan Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

INDUSTRI MARITIM—INSENTIF  
KEPADA USAHAWAN

1. **Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)** minta Menteri Pengangkutan menyatakan mengenai pembangunan industri maritim di negara ini sejak 1990 hingga sekarang, dan apakah insentif yang disediakan untuk pelabur/usahawan dalam bidang ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan (Tuan Chor Chee Heung):** Tuan Yang di-Pertua, industri maritim adalah satu industri yang luas. Ianya meliputi industri perkapalan, pembinaan kapal (shipbuilding), pembaikpulihan kapal (ship-repair), carigali minyak dan gas dan perikanan. Bidang tugas Kementerian Pengangkutan hanya meliputi sebahagian dari industri perkapalan.

Dari segi perkapalan, jumlah kapal yang didaftarkan di Malaysia telah meningkat dari 997 kapal dengan jumlah tanan kasar berdaftar atau dengan izin, 'Gross Registered Tonnage' (GRT) sebanyak 1.934 juta pada tahun 1990 kepada 2,132 kapal dengan jumlah tanan 3.597 juta pada tahun 1995. Ini telah

menunjukkan bahawa kerajaan melalui usahanya dalam lima tahun ini telah banyak memberi sumbangan dan menggalakkan supaya industri maritim dari segi perkapalan dapat bertambah.

Di antara insentif yang disediakan oleh kerajaan bagi industri perkapalan adalah seperti berikut:

- (i) cukai import dan 'surtax' telah dimansuhkan untuk pembelian kapal yang melebihi 26 GRT. Cukai import sebanyak 30% yang dikenakan untuk kapal yang kurang daripada 26 GRT telah pun dikurangkan kepada 25% mulai Oktober 1995. Langkah ini adalah untuk menggalakkan supaya syarikat-syarikat tempatan dapat membeli kapal-kapal dari limbungan kapal negara kita;
- (ii) pendapatan 'freight' oleh kapal Malaysia dikecualikan daripada cukai pendapatan selaras dengan seksyen 54A Akta Cukai Pendapatan 1967. Selaras dengan Jadual 6 para 34 Akta tersebut, pendapatan seseorang yang berkhidmat atas kapal Malaysia juga dikecualikan dari pembayaran cukai pendapatan;
- (iii) cukai ke atas 'bunkers' (marine fuel oil and marine diesel oil) untuk kapal Malaysia juga telah pun dihapuskan; dan
- (iv) 'accelerated depreciation' sebanyak 20% ke atas kapal-kapal dibenarkan bagi tahun pertama. Di samping itu, pelepasan khas diberikan antara 6% hingga 10%.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah insentif diberi kepada syarikat-syarikat membuat kapal di dalam negara kita, termasuk spareparts diimport untuk membuat kapal.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai insentif-insentif yang diberi kepada pembina-pembina kapal ataupun limbungan kapal, kerajaan sekarang sedang mengadakan satu perbincangan dengan industri maritim yang terlibat dengan pembinaan kapal supaya satu jenis insentif yang komprehensif dapat diberikan kepada mereka, walau bagaimanapun, insentif ini harus juga diluluskan oleh Kementerian Kewangan kelak.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Tuan Lim Siang Chai.

*(Soalan No. 2 - Y.B. Tuan Lim Siang Chai tidak hadir)*

#### **POLIGAMI—PENYERAGAMAN DAN PENGUATKUASAAN**

**3. Puan Rohani binti Abd. Karim (Santubong)** minta Perdana Menteri menyatakan tentang kenyataan yang dibuat pada 18hb. Jun 1996 dalam akhbar tempatan oleh Ketua Pengarah Pusat Islam mengenai kelonggaran dalam peraturan poligami. Apakah perkembangan terkini mengenai kenyataan ini dan bagaimana pula dengan penyeragaman serta penguatkuasaan peraturan ini nanti.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah):** Tuan Yang di-Pertua, poligami merupakan satu amalan yang diharuskan oleh Islam yang mempunyai tujuan dan maksud tertentu bagi kebaikan umatnya. Dalam melaksanakan amalan poligami, kerajaan telah mengadakan peruntukan dalam undang-undang keluarga negeri-negeri supaya amalannya tidak disalahgunakan oleh orang-orang tertentu serta hak dan tanggungjawab atau keadilan kepada orang yang di bawah tanggungjawab mereka tidak diabaikan. Bagaimanapun, terdapat beberapa perkara

yang perlu diperkemas agar amalan poligami ini dilaksanakan dengan lebih teratur dan tidak diselewengkan.

Kenyataan Ketua Pengarah BAHEIS tempoh hari adalah berkaitan dengan perkara ini di mana kajian semula sedang dibuat untuk menyelaras dan memperkemas lagi peraturan poligami di negara ini.

**Puan Rohani binti Abdul Karim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah dengan kelonggaran ini kelak akan memudahkan atau menyulitkan poligami?

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, Islam itu agama yang mudah, bukan menyusahkan. Islam itu mempunyai peraturan-peraturan yang cukup baik bagi penganut-penganutnya untuk membuat amalan, tetapi apabila kemudahan, kelonggaran diberi, memang menjadi tabiat manusia, ramai di antara mereka mengambil peluang kelonggaran itu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana di negeri-negeri kita terdapat bermacam-macam cara, maka kita akan kaji dan kita akan cuba memberikan supaya tidak menyusahkan tetapi boleh digunakan dan puashati oleh semua pihak.

**Tuan Kamarudin bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan saya ini adalah bagi pihak kawan-kawan yang malu hendak bertanya. Saya ulangi kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat tadi yang menyatakan bahawa bagi kebajikan umat Islam dan bagi tanggungjawab supaya tidak diabaikan. Apakah dalam kajian yang bakal dilakukan oleh Pusat Islam dimasukkan juga peraturan-peraturan sebelum sebelum seseorang itu berpoligami, khususnya mengenai harta sepencarian, sebelum seseorang itu melakukan poligami, bagi

faedah anak-anak dan isteri pertamanya, maka harta pencarian perlu diberi dahulu supaya perkara ini dapat tenteram dan bahagia? Itu soalnya.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:**

Tuan Yang di-Pertua, sudah barang tentu kita memikirkan perkara ini. Masalahnya bukan dibenarkan poligami bererti kita menceraikan yang lain. Dua benda berlainan, ertinya, poligami kahwin lebih daripada satu. Islam tidak menuntut supaya kahwin yang itu, menceraikan yang lain. Jadi, tentang harta ini, memang tanggungjawab kepada suami memberikan nafkah zahir dan batin kepada isteri-isteri mereka. Memang tanggungjawab mereka. Jadi, walau bagaimanapun, saya kira yang penting sesiapa yang poligami mestilah menjalankan keadilan yang paling baik. Itu yang paling pokok. Tambahan pula, negara kita aman. Kadangkala kalau tanya harta silelaki, agak-agak pada saya 20 orang perempuan pun boleh dia orang pelihara. Jadi, kalau benda itu dimudahkan, diberikan tanggungjawab, dia sanggup, jadi, kalau 4 itu dengan harta yang dia ada, sudah barang tentu mereka berkesanggupan untuk menjaga isteri-isteri mereka.

Jadi, dari segi inilah kita akan membuat kajian dan selaraskan supaya yang mahu poligami itu benar-benar tepat, kadangkadang isterinya sakit, kadang kala dia agak 'power' nya kuat sangat, tidak mampu yang pertama, dia hendak yang kedua juga, oleh itu percayalah wahai isteri-isteri dan wanita bahawa kita akan cuba melaksanakan dengan sebaik mungkin supaya mendapat kebahagiaan hidup dunia dan akhirat bagi suami dan isteri.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail.

*(Soalan No. 4 - Y.B. Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail tidak hadir)*

**GAS—JUMLAH PENJUALAN  
KEPADA SINGAPURA**

**5. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sejak bila Malaysia menjual gas ke Singapura. Berapa tong gas telah dijual dan berapa US Dolar bagi satu tong; dan
- (b) berapa jumlah perbelanjaan bagi menyalurkan bekalan gas dari Pahang-Johor-Perlis dan Songkla Thailand. Ataupun kerajaan akan memilih cara lain dan sebutkan cara itu.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz):** Tuan Yang di-Pertua:

- (a) untuk makluman Yang Berhormat, Petronas tidak membekalkan gas di dalam tong kepada Republik Singapura. Gas yang dieksport ke Singapura adalah gas metana melalui paip Projek Penyaluran Gas Semenanjung (PGU) daripada Kerteh melalui Pasir Gudang ke Stesen Janakuasa Elektrik Senoko. Sebanyak 150 juta kaki padu sehari dipaip untuk kegunaan stesen janakuasa tersebut.

Harga gas yang dijual kepada Singapura dikaitkan dengan harga Medium Fuel Oil di Singapura yang sentiasa bertukar.

- (b) Projek Penyaluran Gas Semenanjung yang membawa gas daripada Kerteh melalui Segamat ke Meru (Selangor) membabitkan kos sebanyak lebih kurang RM1.3 bilion. Sektor Lumut-Perlis sedang dalam pembinaan dan dijangka beroperasi pada tahun 1998 membabitkan kos RM2 bilion. Buat masa ini, belum ada rancangan untuk menyambung sistem paip ini hingga ke Songkla.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Tuan Mansor Masikon.

*(Soalan No. 6 - Y.B. Tuan Mansor Masikon tidak hadir)*

#### **IWK—PENGURANGAN KADAR BAYARAN PEMBETUNGAN**

**7. Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) keputusan Jawatankuasa Khas Kabinet berkenaan dengan sistem bayaran pembedung baru bagi Indah Water Konsortium. Adakah kadar bayaran pembedung IWK akan dikurangkan; dan
- (b) adakah IWK sedia menyusun semula sistem perkhidmatannya supaya perkhidmatannya dapat dipertingkatkan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak jawatankuasa yang terdiri daripada Unit Perancang Ekonomi, Perbendaharaan dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan masih dalam peringkat mengkaji beberapa cadangan menyusun semula kadar tarif pembedung yang dikemukakan oleh Indah Water Konsortium (IWK). Keputusan mengenai kadar bayaran baru masih belum dibuat.
- (b) Bagi mempertingkatkan mutu perkhidmatannya IWK kini telah mendesentralisasikan perkhidmatan pelanggannya supaya para pelanggan yang menghadapi masalah dengan perkhidmatan pembedung atau

mahu membuat aduan tidak perlu menghubungi ibu pejabat IWK di Kuala Lumpur tetapi sebaliknya boleh melakukan di pejabat IWK yang berhampiran di tempat masing-masing.

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita difahamkan juga bahawa baru-baru ini kementerian memberi kenyataan bahawa IWK dipanjangkan ke Malaysia Timur iaitu di Sabah dan Sarawak. Memandangkan sistem infrastruktur belum begitu sempurna di Sabah dan Sarawak, apakah persediaan kementerian dan IWK untuk memastikan bahawa semua kemudahan ini tertatur dan tersusun sebelum dapat dilaksanakan dan apakah langkah-langkah yang diambil dan juga kerjasama dengan negeri Sabah?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, akhirnya IWK akan sampai juga ke Sabah dan Sarawak, tetapi mengambil masa sedikit. Bagaimanapun, kita terpaksa menyelesaikan masalah IWK di Semenanjung dahulu sebelum ianya boleh dipanjangkan ke Sabah dan Sarawak dan sehingga kini pun kita masih lagi memberikan satu target iaitu akhir bulan Ogos agar IWK dapat mengemukakan satu cadangan yang boleh diterima pakai oleh semua pihak di Semenanjung dan tidak mungkin kita akan membawa perkhidmatan IWK ke Sabah dan Sarawak seandainya perkara ini tidak dapat di selesaikan di Semenanjung.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Apakah tindakan yang boleh diambil atas IWK yang selalunya lewat untuk membaiki loji najis, sewage treatment plant, kadangkala selama satu atau dua bulan. Sama ada kerajaan boleh mengupah syarikat swasta yang lain untuk membaiki dan selepas itu mencajkan atau mendenda IWK?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, masalah IWK ini seperti layu ayam dengan telur. Ayam dahulukah atau telur dahulu. Jadi, masalah yang timbul ialah kerana pihak pelanggan tidak mahu membayar bayaran bulanan kepada IWK, dan ini menyulitkan IWK kerana mereka tidak cukup wang pusingan lagi untuk memberikan perkhidmatan kerana semua bil-bil yang dihantar tidak dibayar. Jadi, itulah sebabnya kita meminta kepada pihak pelanggan supaya terus membuat bayaran bil-bil yang dihantar oleh IWK. Kita juga minta IWK mempertingkatkan perkhidmatannya. Masalah pembayaran ini akan diselesaikan di antara IWK, Kementerian dan EPU dalam rundingan-rundingan yang dibuat. Sementara rundingan ini selesai, kita minta supaya pihak pelanggan membuat bayaran kepada IWK berkenaan perkhidmatan yang telah pun diberikan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman.

*(Soalan No. 8 - Y.B. Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman tidak hadir)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Tuan R. Karpal Singh.

*(Soalan No. 9 - Y.B. Tuan R. Karpal Singh tidak hadir)*

#### TANDA HALAL KEPADA SYARIKAT MAKANAN SEGERA— SYARAT

**10. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) syarat-syarat dikenakan sebelum pengenalan tanda “halal” dapat diberikan kepada sesebuah syarikat

khususnya syarikat makanan segera dan bilangan syarikat-syarikat yang telah diberikan pengenalan tanda halal; dan

- (b) adakah kerajaan bercadang untuk mewajibkan kepada semua syarikat pengeluar makanan halal untuk menggunakan pengenalan tanda halal ini.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Muhammad bin Abdullah):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) syarat-syarat dikenakan sebelum pengenalan tanda “halal” dapat diberikan kepada sesebuah syarikat yang dikeluarkan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, sama ada syarikat itu syarikat makanan segera ataupun makanan-makanan yang lain, syarikat itu mestilah memenuhi beberapa syarat sebelum sijil tersebut diperolehi. Di antara syarat-syarat adalah:
- (i) mengisi borang permohonan dengan mengemukakan butir-butir syarikat yang lengkap seperti biodata syarikat, nama produk, bahan-bahan ramuan dan pembekal yang berkaitan;
  - (ii) mendapat laporan yang memuaskan dari satu Pasukan Pemeriksa Khas yang ditubuhkan oleh kerajaan; dan
  - (iii) menanggung semua perbelanjaan Jawatankuasa Pemeriksaan.

Sehingga kini terdapat sebanyak hampir 300 syarikat pengeluaran makanan dan bahan guna orang Islam yang telah diberikan sijil pengesahan halal yang melibatkan 2,500 jenis barangan. Di samping

itu, terdapat hampir 300 restoran yang kebanyakannya adalah restoran berangkai yang telah mendapat sijil pengesahan halal daripada BAHEIS.

- (b) Pada masa kini, kerajaan belum lagi bercadang untuk memaksa semua kilang atau premis pengeluar makanan menggunakan pengenalan logo halal. Walau bagaimanapun, pihak kerajaan sentiasa menggalakkan mereka supaya mendapatkan sijil pengesahan halal yang dikeluarkan oleh BAHEIS melalui kempen-kempen kesedaran dan pemahaman tentang pentingnya pihak pengilang menggunakan logo halal untuk membantu pengguna Islam di dalam memilih makanan yang benar-benar terjamin halal.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan tanda "halal", adakah setakat hari ini kementerian telah dapat mengesan jumlah restoran ataupun kedai makan yang telah menyalahgunakan tanda 'halal' ini. Dan adakah halal itu hanya pada tanda? Adakah pihak kementerian benar-benar memeriksa dan menentukan peralatan memasak, bahan mentah yang dibekalkan dan juga tukang masaknya juga boleh dikategorikan sebagai halal?

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, memang ada kedatangan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengenai kesalahan pengilang-pengilang yang tidak menggunakan logo 'halal' pada makanan mereka yang keluar, sedangkan makanan mereka tidak begitu baik, tetapi tidak banyak. Tetapi kadangkala kita dapat juga di antara barang yang mereka letak itu di dalam setor yang sama. Di situlah masuk 'kerbau kaki empat yang pendek', di situlah masuk daging lain-lain. Jadi, kita nasihatkan supaya diasingkan. Sudahlah pula apabila mendapat aduan,

kita pergi menyiasat dan memberitahu kepada mereka supaya membuat peraturan-peraturan yang dikehendaki, kita beri tempoh beberapa minggu, kemudian kita datang sekali lagi, mereka telah mengikut peraturan-peraturan yang kita buat.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memeriksa dapur dan periuk belanga yang digunakan, ini adalah satu perkara yang amat susah. Sebab itu, bagi kita janganlah sampai kalau kita hendak makan satu tempat itu, kita pergi tengok peti sejuk, kita pergi tengok dapur dia. Kalau macam itu, saya ingat kita kena makan ubi kayu sahajalah. Kerana kalau kita rasa was-was apa yang kita tengok, pendek kata kita tanam ubi kayu, makan ubi kayu sendiri. Kalau hendak beli biskut dalam tin pun, mungkin macam-macam fikiran yang kita terlintas dan bermacam-macam lagi. Berertinya, kita percayalah kepada Jawatankuasa ini yang membuat pemeriksaan. Kalau sekiranya perkara itu didapati baik oleh Jawatankuasa ini, insya-Allah, benda itu halal kita makan.

#### **JET PEJUANG SINGAPURA MENCEROBOH RUANG UDARA MALAYSIA— TINDAKAN**

**11. Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) jet-jet Singapura telah berulang kali mencero bohi ruang udara negara ini khususnya negeri Johor dan jet-jet tersebut telah mengganggu kepentingan strategik serta ketenteraman rakyat negara ini. Apakah langkah-langkah konkrit yang telah diambil oleh kementerian bagi mengatasi perkara tersebut; dan
- (b) semenjak Singapura berpisah dengan Malaysia sudah berapa kali pencabulan sedemikian telah dibuat oleh negara Singapura terhadap negara ini.



**Menteri Pertahanan (Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) hasil daripada rungutan orang ramai serta liputan media dan beberapa kali dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan jet-jet pejuang Singapura yang mencerooboh ruang udara Malaysia, kita dapati dari pengesanan kita memang betul bahawa ada jet-jet pejuang Singapura terbang rendah. Yang pentingnya ialah hasil daripada penerbangan rendah itu, saya telah mengarahkan supaya penyiasatan dibuat sama ada ia melanggar apa-apa perjanjian di antara Singapura dan Malaysia ataupun perjanjian antarabangsa. Sama ada ia menepati maksud pencerobohan secara sebenar, setelah diarahkan untuk membuat siasatan kami dapati bahawa sistem kawalan lalu lintas udara serta rangkaian pertahanan negara yang sedia ada telah menunjukkan bahawa secara teknikal tidak ada pelanggaran ataupun pencerobohan yang telah berlaku.
- (b) Kita tidak mempunyai apa-apa maklumat sejak Singapura berpisah dengan Malaysia bahawa ada pencabulan di ruang udara kita yang dilakukan oleh jet pejuang Singapura.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mengatakan teknikalnya tidak ada, tetapi dia telah pun mencerooboh. Adakah kapal terbang kita tidak membalasnya itu kerana keupayaan Tentera Udara kita, kapal terbang kita ataupun kita ada sifat malu alah kerana beberapa kali Malaysia meminjam radar Singapura di sudut pertahanan ataupun pendaratan kapal terbang bila berlaku suatu perkara kerosakan di Malaysia. Ada sifat malu

alah Malaysia kepada Singapura menyebabkan mereka berani buat begitu beberapa kali. Adakah itu benar?

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, Angkatan Tentera Malaysia khususnya sama ada Tentera Udara, Tentera Laut ataupun Tentera Darat berkeupayaan untuk mempertahankan integriti dan kedaulatan negara. Sebab kita mempunyai kemampuanlah kita mengetahui paras rendah kapal terbang-kapal terbang Singapura berlegar. Dengan itu kita boleh mengetahui sama ada ia mencerooboh atau ia telah mencabul kedaulatan Malaysia ataupun tidak.

Daripada siasatan kita, ia tidak menunjukkan, oleh kerana di dalam perjanjian kita dengan Singapura, ada beberapa level ataupun tahap yang dibenarkan kapal terbang Singapura untuk terbang di angkasa Malaysia. Pertamanya di dalam 'low flying areas' Singapura dibenarkan untuk terbang di antara 250 kaki sehingga 2,000 kaki. Di atas melalui Laut Cina Selatan, daripada 1,000 kaki sehingga 3,000. Kalau mengikut perjanjian lima negara, jet-jet pejuang Singapura dibenarkan untuk terbang di mana level sekali pun bermula daripada Rompin sehingga Batu Berendam. Ini semua adalah mengikut perjanjian dan ianya tidak menunjukkan sama sekali bahawa kita mempunyai sikap malu alah. Kalau ada pencerobohan, kita akan mengambil jalan untuk mengatasinya.

## BELIA NIAGA— BANTUAN

**12. Tuan Hashim bin Ismail (Ledang)** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah program kementerian terhadap belia-belia yang sedang menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan keusahawanan secara kecil-kecilan tetapi sukar untuk mendapatkan pinjaman daripada mana-mana pihak. Oleh kerana

itu, perniagaan mereka setakat boleh hidup sahaja sejak sekian lama. Dan adakah Kementerian mempunyai rekod tentang belia niaga seperti ini di seluruh negara.

**Menteri Belia dan Sukan (Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin):** Tuan Yang di-Pertua, untuk membantu belia-belia yang berminat menceburkan diri di dalam bidang perniagaan ataupun keusahawanan, Kementerian Belia dan Sukan telah pun menyediakan Skim Rancangan Belia Niaga (RBB) di bawah Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia kepada belia-belia yang berumur di antara 18 sehingga 40 tahun.

Skim ini menyediakan pinjaman antara RM5,000 sehingga RM50,000 maksimum yang bertujuan untuk mengembangkan perniagaan kepada yang sudah berniaga. Keduanya, untuk memulakan perniagaan tetap bagi yang sudah berniaga secara kecil-kecilan ataupun sambilan. Ketiganya, untuk modal asas kepada belia-belia yang belum berniaga dan berminat untuk menjadi usahawan baru.

Skim ini memberikan pinjaman yang mudah, yakni flexible kepada golongan belia-belia dengan hanya dikenakan caj perkhidmatan sebanyak 2% setahun.

Sehingga Jun 1996, seramai 1,810 orang usahawan telah pun menerima kemudahan ini yang melibatkan peruntukan sebanyak RM24,806,314. Bidang-bidang perniagaan yang diusahakan ialah perkhidmatan, industri kecil dan sederhana, kejuruteraan ringan dan mekanik, ternakan, perusahaan-perusahaan yang berasaskan kayu, rotan, logam, simen dan sebagainya.

Prestasi skim ini sehingga ini amat memuaskan di mana 69% iaitu seramai 1,189 orang peminjam telah pun membuat pembayaran balik mengikut jadualnya. Bagi meneruskan kejayaan ini,

kementerian saya telah pun menyediakan kemudahan-kemudahan khidmat sokongan, latihan keusahawanan dan pengurusan perniagaan, khidmat-khidmat nasihat di peringkat negeri dan daerah agar peminjam-peminjam terus berjaya dalam perniagaan yang diceburi dan mampu membayar balik pinjaman tersebut sehingga selesai.

Kementerian saya tiada mempunyai rekod yang terperinci tentang jumlah peniaga-peniaga kecil di kalangan belia yang menghadapi pelbagai masalah mengenai perniagaan mereka, namun begitu dengan adanya skim ini adalah diharapkan mereka yang mempunyai kesulitan boleh menghubungi pihak kementerian supaya kes-kes tertentu dapat diteliti dan dibantu.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, Tabung Ekonomi Belia ini telah pun diperbesarkan kepada jumlah sebanyak RM20 juta setahun selama lima tahun iaitu sejumlah RM100 juta di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Adalah diharapkan dengan peruntukan yang sebegini besar, ia berupaya untuk memberikan bantuan-bantuan pinjaman kepada tidak kurang daripada 4,000 pengusaha ataupun usahawan muda tiap-tiap tahun iaitu sejumlah 20,000 orang dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Soalan tambahan. Kita mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri di atas keputusannya untuk melanjutkan syarat meminjam kepada usia 40 tahun. Cuma yang menjadi soalan saya adakah kerajaan juga bercadang untuk menimbangkan kenaikan kadar pinjaman bagi peniaga-peniaga jenis ini yang dikira berpotensi dan berdaya maju?

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita masih lagi meletakkan

had sebanyak maksimum RM50,000 bagi suatu pinjaman kerana kita mahu supaya skim ini dapat dinikmati kepada sejumlah belia yang lebih ramai lagi.

Namun begitu, kita sedang meneliti kerana banyak juga rayuan yang telah pun dibuat oleh pelbagai pihak pimpinan belia di seluruh negara termasuk juga usahawan-usahawan belia yang sudah pun berjaya supaya had ini ditingkatkan kepada jumlah yang lebih besar iaitu RM100,000. Kita sedang pun meneliti perkara ini dan keputusannya akan kita beritahu kemudian kelak.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada pihak Menteri, adakah beliau mempunyai data dari segi jumlah penglibatan belia mengikut negeri dan adakah sambutan daripada belia-belia negeri Sabah dan Sarawak kepada program ini dan adakah hasilnya menggalakkan?

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada rekod yang terakhir yang telah pun kita kumpulkan. Dari segi bilangannya, kita mempunyai seramai 28 orang peminjam yang telah pun mendapat pinjaman di peringkat negeri Sabah sejumlah RM387,250.00 dan 32 orang dari negeri Sarawak sebanyak RM427,660.00.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Tuan Pau Noutin.

*(Soalan No. 13 - Y.B. Tuan Paul Noutin tidak hadir)*

#### LESEN MEMANDU—JPJ MENGHAPUS KELAS TERTENTU

**14. Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa JPJ kadangkala menghapuskan kelas tertentu daripada lesen memandu lama selepas

diperbaharui kerana memandangkan banyak aduan terhadap kerumitan yang timbul kepada pemegang lesen memandu yang tidak dapat memberi bukti ujian memandu asal mereka disebabkan oleh perantaraan masa serta langkah-langkah yang diambil untuk memperbetulkan masalah ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan (Tuan Chor Chee Heung):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, adalah tidak benar bahawa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) kadangkala menghapuskan kelas-kelas tertentu daripada lesen memandu lama selepas ianya diperbaharui. Sebenarnya apa yang berlaku ialah kelas tertentu itu masih belum dikemaskini ke dalam sistem komputer JPJ. Keadaan ini berlaku kerana ramai pemegang lesen mendapatkan lesen memandu kelas-kelas tertentu mereka di stesen-stesen JPJ yang berlainan. Pada ketika itu, proses mengesan dan mengemas kini data bukan dibuat dengan menggunakan sistem komputer tetapi dengan catatan dalam fail atau secara manual sahaja.

Bagi mengatasi masalah ini yang mengakibatkan JPJ melaksanakan tindakan memproses semua lesen memandu lama ke lesen memandu format baru, tarikh akhir yang ditetapkan untuk mengesan dan mengemas kini rekod lesen memandu ialah 31hb Disember, 1996. Dalam tempoh ini, semua pemegang lesen memandu hendaklah mengemukakan lesen memandu lama mereka bagi semakan dan mana-mana kelas yang masih belum dikesan akan dikemaskini oleh JPJ. Semua JPJ negeri telah pun diarah untuk melaksanakan tindakan mengemaskini data kelas lesen mengikut prosedur yang ditetapkan tanpa mengakibatkan pemegang-pemegang lesen sendiri mendapatkan bukti-bukti yang tertentu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Sibu.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua,....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Sib. (Ketawa)

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Bukan Jelebu. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, dalam rekod JPJ terdapat berapa orang yang mempunyai lesen memandu masih belum tukar kepada lesen format baru dan tempoh terakhir untuk mesti tukar?

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi tarikh akhir yang mana pemegang-pemegang lesen lama ingin bertukar kepada lesen baru ialah 31hb Disember, 1996 dan bagi soalan yang kedua, terdapat dua kumpulan pemegang-pemegang lesen ini yang masih belum tukar ke lesen bercorak baru.

Kumpulan yang pertama ialah pemegang lesen memandu yang belum dikesan di bawah sistem komputer baru ataupun belum datang membuat sebarang urus niaga semenjak 1992 adalah 600,000 dan kumpulan yang kedua, yang mana pemegang lesen memandu yang telah dikesan tetapi perlu diproses semula ataupun sebelum tukar format baru adalah 1,449,238.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, berapakah jumlah wang yang telah dibelanjakan untuk membeli sistem komputer ini yang membawa kesusahan yang begitu besar kepada pemegang-pemegang lesen yang cuba membaharui lesen mereka di tempat yang mereka bukan ambil ujian mereka pada tempat asal mereka dan bukankah sistem ini mempunyai kelemahan yang amat ketara bila seseorang

kalau dia dari Sarawak, dia hendak membaharui lesen di Semenanjung Malaysia, dia diberitahu oleh JPJ untuk balik ke Sarawak, dapatkan pengesahan sebelum boleh membaharui lesennya? Ini memang menjadi satu masalah serius dan jangan cakap tidak pernah berlaku.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, dari segi jumlah kewangan yang dibelanja untuk mengadakan satu sistem yang kemaskini secara pengkomputeran, saya tidak mempunyai angka, mungkin saya dapat memberi jawapan secara bertulis.

Mengenai dakwaan-dakwaan, memang tidak benar sekali. Jadi, saya suka mengatakan di sini, dalam semua sistem sebelum satu-satu sistem dapat diperbaiki secara kekal dan sempurna, memang terdapat sedikit-sebanyak masalah. Dari segi dakwaan yang mana Yang Berhormat mengatakan 'pemegang-pemegang lesen dari stesen lain terpaksa balik ke stesen asal'— memang kementerian mengaku pada permulaan terdapat segelintir kes-kes seperti ini, tetapi arahan telah diberikan oleh JPJ ibu pejabat supaya pemegang-pemegang lesen dapat bertukar di mana-mana sahaja stesen. Ini bukan satu, orang kata 'kebiasaan' seperti didakwa oleh Yang Berhormat.

#### KARYA SENI MALAYSIA KE INDONESIA—KESUKARAN PEMASARAN

15. **Datuk Abu Seman bin Haji Yusof (Alor Gajah)** minta Menteri Penerangan menyatakan apakah sebabnya karya-karya seni Malaysia seperti filem, lagu, drama dan sebagainya sukar menembusi pasaran Indonesia setakat ini berbanding layanan kita terhadap hasil-hasil karya mereka yang begitu meluas pasaran dan tayangannya di sini.

**Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, karya-karya seni Malaysia seperti filem, lagu, irama dan sebagainya sukar menembusi pasaran Indonesia berbanding dengan laluan mudah kemasukan karya-karya mereka ke negara ini disebabkan oleh peraturan import karya seni di Malaysia dan Indonesia.

Malaysia tidak mengenakan sebarang kuota import sebarang karya seni asing. Di samping itu, Malaysia masih memerlukan karya seni asing untuk memenuhi permintaan tempatan. Bagaimanapun kedua-dua buah negara iaitu antara Malaysia dan Indonesia perbincangan mengenai perkara ini sering dilakukan dan kerajaan menerusi Kementerian Penerangan dari masa ke semasa mengadakan rundingan, usaha ini nampaknya ada tanda-tanda kejayaan —insya Allah.

**SEKOLAH RENDAH/  
MENENGAH/ VOKASIONAL/  
MAKTAB PERGURUAN/  
MAKTAB/TEKNIK/  
UNIVERSITI DI SELURUH  
NEGARA—JUMLAH**

**16. Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)** minta menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah sekolah rendah, sekolah menengah, sekolah vokasional, maktab perguruan, maktab teknik dan universiti di tiap-tiap negeri di luar bandar di seluruh negara yang akan didirikan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke 7; dan
- (b) adakah kerajaan bercadang untuk memperengkapkan peralatan dan perkakasan komputer dan jaringan bagi sekolah-sekolah rendah dan menengah di luar

bandar di seluruh Malaysia dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Berapakah orang guru-guru komputer yang akan dibekalkan ke setiap negeri dalam tempoh tersebut.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

- (a) Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh Kementerian Pendidikan merancang lebih banyak pembinaan sekolah-sekolah di luar bandar. Rancangan itu termasuklah pembinaan 110 buah sekolah rendah, 87 buah sekolah menengah, 4 buah sekolah menengah teknik, 3 politeknik, 5 maktab perguruan dan menaik taraf 29 buah sekolah menengah vokasional kepada sekolah menengah teknik. Di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh tiada rancangan untuk membina universiti baru, kerana Malaysia kini mempunyai 9 buah universiti. Dalam rancangan tersebut peruntukan diberikan untuk meningkatkan lagi kemudahan fizikal universiti-universiti yang sedia ada terutama bagi universiti-universiti baru seperti Universiti Malaysia Sabah dan Universiti Malaysia Sarawak.
- (b) Kementerian Pendidikan merancang untuk membekalkan komputer ke setiap sekolah menjelang tahun 2000. Pembekalan komputer ini akan dibuat berperingkat-peringkat. Kementerian Pendidikan juga sedang melaksanakan Projek Rintis Pusat Sumber Elektronik di 14 buah sekolah menengah di seluruh negara, sekolah-sekolah ini dirangkaikan dengan Internet. Projek ini akan diperluaskan ke sekolah-sekolah lain berdasarkan dapatan kajian ini.

Untuk menjayakan Program Literasi Komputer di sekolah, mulai tahun 1992 semua guru pelatih telah diwajibkan mengambil kursus literasi komputer untuk membolehkan mereka berperanan sebagai guru literasi komputer setelah mereka bertugas di sekolah. Seramai lebih kurang 8,000 daripada kumpulan ini mula berkhidmat di sekolah pada tahun 1995. Selain dari itu Kementerian Pendidikan juga telah mula mengambil 200 calon dalam bidang teknologi maklumat melalui Program Kursus Perguruan Lulusan Ijazah dan Kursus Perguruan Lulusan Diploma pada tahun 1996. Guru-guru yang mempunyai kemahiran komputer akan ditempatkan untuk mengajar di semua sekolah di seluruh negara.

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh tidak ada rancangan untuk menubuhkan universiti yang baru. Bukankah benar bukan sahaja tidak ada rancangan untuk menubuhkan universiti yang baru, tetapi ada rancangan untuk menggugurkan satu rancangan bagi mengadakan satu universiti yang baru iaitu universiti terbuka dan sebenarnya adalah termaktub di dalam dengan izin, second out-line perspective plan. Jadi, mengapa kerajaan membuat keputusan ini untuk menggugurkan satu cadangan bagi mengadakan universiti terbuka tanpa perbincangan atau laporan kepada Parlimen?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sudah berkali-kali dibangkitkan dan kita telah mengatakan, kita belum membuat apa-apa keputusan.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik jawapan dari Timbalan Menteri berhubung dengan membekalkan komputer kepada semua sekolah di luar bandar menjelang tahun 2000. Tetapi persoalan saya, kebanyakan sekolah di

luar bandar di Sarawak dan Sabah umpamanya tidak mempunyai bekalan elektrik, jadi adakah perancangan untuk menghantar komputer ini ditambah dengan pembekalan generator juga kepada sekolah itu?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, memang kita sedar sekarang ini ada lebih kurang 1,200 buah sekolah di kawasan-kawasan luar bandar di pedalaman yang belum mendapat bekalan elektrik. Namun demikian, kita membekalkan generator kepada sekolah-sekolah tersebut. Kita juga sedang mengambil langkah untuk membekalkan kemudahan-kemudahan itu secara berkerjasama dengan TNB dan agensi-agensinya lain untuk cuba memastikan supaya sekolah-sekolah tersebut dapat dibekalkan dengan kemudahan elektrik dan pada akhirnya sempurna program untuk kita membekalkan komputer-komputer di sekolah-sekolah tersebut.

#### LOJI PELUPUSAN SISA TOKSIK DAN STESEN SIMPANAN SISA TOKSIK— KEMAJUAN

**17. Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sejauh manakah kemajuan loji pelupusan sisa toksik dan stesen-stesen simpanan sisa toksik, memandangkan masalah sisa toksik telah menjadi punca utama pencemaran alam sekitar.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Law Hieng Ding):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja penubuhan loji bersepadu pengolahan dan pelupusan sisa toksik di Bukit Nanas buat masa sekarang adalah berjalan lancar dan mengikut jadual. Adalah dijangkakan kemudahan tapak pelupusan selamat akan siap pada bulan Ogos 1996 ini. Kemudahan-kemudahan lain seperti loji penstabilan dan loji pengolahan dijangka

akan siap pembinaan pada 31 Disember 1997 dan pemasangan insinerator dijangka selesai pada 15 Jun 1998.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah tindakan jangka masa pendek untuk menangani masalah sisa toksik ini sebelum stesen-stesen simpanan disiapkan?

**Datuk Law Hieng Ding:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta Ahli Yang Berhormat mengulangi soalan itu.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah, apakah tindakan jangka masa pendek yang akan dijalankan oleh Kementerian sebelum stesen-stesen simpanan disiapkan?

**Datuk Law Hieng Ding:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perkara ini seperti dijawab dalam jawapan saya, kemudahan-kemudahan pelupusan dan tempat pelupusan akan siap dibina tidak berapa lama lagi, ini termasuklah tapak-tapak untuk simpanan sisa-sisa toksik, semua ini adalah dalam projek dan saya fikir perkara ini tidak akan menjadi satu masalah sekiranya permintaan ini disiapkan nanti.

**Tuan Yunof Edward Marinking:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar mungkin Kementerian sedar bahawa di Sabah ada satu kawasan pembangunan yang dinamakan KKIP seluas 8,500 ekar terdapat banyak sistem pelepasan sisa toksid terdapat di situ dan soalan saya adakah EIA telah dikemukakan kepada Kementerian dan diluluskan bagi maksud ini?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, saya rasa soalan ini bersabit dengan EIA, agak terkeluar daripada soalan asal.

**Tuan Yunof Edward Marinking:** Tapi ini, sisa toksid Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya.

#### SISTEM PAPAN TANDA/ZON JALAN RAYA—MEMPERBAIKI

**18. Tuan Abdul Rahin bin Dato' Haji Mohd. Said (Kuala Nerus)** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada bercadang untuk mengemas kini sistem-sistem papan tanda jalan di Bandaraya Kuala Lumpur memandangkan terdapat beberapa arahan yang dilabelkan terlampau lusuh dan terlalu kecil untuk perhatian pengguna dan juga terdapat arahan-arahan pengguna jalan raya yang menetapkan waktu-waktu tertentu digunakan sebagai jalan sehalu.

**Datuk Dr. Ibrahim bin Saad:** Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sentiasa memberi perhatian terhadap sistem papan tanda jalan di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur supaya ianya memenuhi piawaian antarabangsa. Walau bagaimanapun, mungkin juga terdapat beberapa papan tanda yang tidak memenuhi piawaian tersebut dan ianya akan dibaik pulih dan dinaikkan taraf.

Mengenai sistem jalan sehalu dalam waktu tertentu pula ianya diwujudkan bagi jalan-jalan beberapa taman-taman perumahan untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas pada waktu puncak. Sistem ini dilaksanakan setelah diadakan perundingan dan persetujuan daripada Polis Trafik dan Jabatan Pengangkutan Jalan melalui Jawatankuasa Penasihat Trafik Dewan Bandaraya dan cara ini sedikit demi sedikit akan kita hapuskan tidak lama lagi. Terima kasih.

#### LAPORAN EIA—ESTATE PERINDUSTRIAN BARU, BINTULU

**19. Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada laporan kesan penilaian terhadap alam sekitar (EIA) telah dikemukakan kepada

kementerian berkenaan dengan kilang kertas yang dicadangkan untuk dibina di Estet Perindustrian Bintulu Baru, Bintulu, termasuk jalan akses dari batu 19 Jalan Bintulu/Miri yang menyeberangi tapak air tadahan Bintulu. Jika ya, bila dan di manakah laporan EIA ini akan dipamerkan untuk kajian dan ulasan umum.

**Datuk Law Heing Ding:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat laporan kesan penilaian alam sekitar bagi cadangan membina kilang kertas di Estet Perindustrian Bintulu Baru, Bintulu, belum lagi dikemukakan kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Soalan tambahan, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri bolehkah satu projek besar seperti ini boleh dijalankan tanpa EIA, jika tidak, apakah tindakan yang akan diambil oleh kementerian dan terhadap pemaju ini kerana saya difahamkan kerja untuk Estet Perindustrian Baru Bintulu Baru, telah bermula? Sekian terima kasih.

**Datuk Law Heing Ding:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya jawab tadi kementerian saya belum menerima EIA. Sebenarnya cadangan projek kilang kertas ini adalah terletak di satu kawasan perindustrian baru, Bintulu. Ini adalah masih di peringkat penyediaan bidang rujuk atau terms of reference, bagi kajian EIA terperinci. Oleh sebab itu, kita masih menunggulah bila dia akan mengemukakan EIA.

#### JALAN KAMPUNG—MENAİK TARAF

**20. Puan Lim Lay Hoon (Padang Serai)** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) jumlah peruntukan yang diagihkan untuk pembinaan jalan-jalan mini tar di kawasan luar bandar; dan

- (b) bagaimanakah peruntukan ini akan disalurkan ke kawasan terlibat, dan bolehkah kementerian mencadangkan suatu jumlah peruntukan khas untuk disalurkan kepada kawasan terlibat melalui wakil rakyat kawasan itu.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Bandar (Tuan Douglas Uggah Embas):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) bagi tahun 1996 sebanyak RM40 juta telah diluluskan dan bagi melaksanakan projek menaik taraf jalan kampung di seluruh negara dan RM70 juta untuk menyelenggarakan jalan-jalan kampung di kawasan Kesban dan LKW;
- (b) berdasarkan peraturan kewangan yang sedia ada kementerian pada masa ini menyalurkan sebahagian besar peruntukan pembangunan dari kementerian termasuk bagi pembinaan jalan kepada Pegawai Kemajuan Negeri, di peringkat Negeri atau Ketua agensi Jabatan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar tidak ada cadangan untuk menyalurkan peruntukan kementerian melalui wakil rakyat.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kali ini tidak keliru lagi. Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan. Memang masalah di kawasan-kawasan luar bandar ini sentiasa menjadi tajuk utama antara orang kampung dengan wakil rakyat. Jadi, masalahnya Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang yang kita suarakan dan kita panjangkan ke kementerian sekian lama tidak mendapat jawapan. Tiba-tiba ada sahaja projek yang dibuat di sesuatu kawasan di Parlimen seseorang. Jadi, boleh tak kementerian kalau pun tidak memberikan feedback dengan izin, kepada surat-surat yang kita



kemukakan untuk mendapatkan peruntukan, supaya memberikan salinan surat arahan kelulusan projek yang disalurkan kepada Pegawai Daerah dan juga Pegawai Pembangunan Negeri untuk sekurang-kurangnya kita tahu, wakil rakyat itu tahu?

Selama ini kita tidak dapat, Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita dapat hanya kata-kata konon-kononnya inilah perjuangan pentadbir sedangkan perkara ini kita selaku wakil rakyat suarakan selama ini. Jadi, adakah cadangan kementerian sekurang-kurangnya memaklumkan sesuatu projek yang diluluskan di satu kawasan Parlimen ataupun Dewan Undangan Negeri itu dimaklumkan melalui surat kepada wakil-wakil rakyat itu yang ada kerana mereka ini menjadi tumpuan bagi projek-projek dipohon? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini dalam pandangan kementerian saluran yang sedia ada iaitu cadangan dari Pegawai Daerah kemudian dimajukan kepada Pegawai Kemajuan Negeri masih digunapakai oleh kementerian, ini digunapakai kita percaya Yang Berhormat-Yang Berhormat wakil rakyat sentiasa berbincang dengan pegawai-pegawai daerah di peringkat daerah untuk menimbang ataupun meneliti apakah keutamaan-keutamaan projek dijalankan di kawasan masing-masing dan di berapa negeri mereka ini juga telah diharap berunding dengan pihak pejabat kemajuan negeri. Walau bagaimanapun, kita boleh menimbang cadangan Yang Berhormat tadi.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya ingin mendapat penjelasan daripada menteri bahawa kita mengakui jumlah jalan kampung yang hendak dinaikkan taraf adalah panjang. Saya rasa, beratus juta ataupun beribu, beratus kilometer atau beribu kilometer seluruh negara. Dan kita juga mengakui hakikat bahawa

peruntukan yang diberi untuk meningkatkan jalan kampung ke jalan tar adalah terlalu kecil. Adakah pihak kementerian mahu mencari jalan yang lain untuk menyelesaikan pengetaran jalan kampung ini dalam satu tempoh yang diharap oleh rakyat bermakna rakyat mempunyai satu definite expectation, dengan izin, terhadap bilakah kampung mereka akan ditar. Saya kemukakan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, untuk pandangan pihak menteri oleh kerana inilah sekarang menjadi masalah politik yang besar kepada wakil-wakil rakyat. Jadi, adakah pihak kementerian mahu mencari jalan yang lebih berkesan dan lebih pragmatik terhadap perkara ini. Terima kasih.

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, memang kementerian sedar bahawa keperluan dan harapan rakyat luar bandar untuk jalan-jalan bertar begitu tinggi. Pihak kementerian telah pun membuat kajian dan kita mendapati untuk mengetar apa yang dipohon dalam Rancangan Malaysia Ketujuh hampir RM1.2 bilion.

Walaupun bagaimanapun, oleh kerana peruntukan terhad dan sebagainya, maka timbullah masalah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, tetapi kementerian telah juga mengambil pendekatan lain yang dinamakan, Program Bakti Desa di mana kementerian menjemput pihak swasta yang telah berjaya dalam bidang perniagaan untuk sama-sama membantu membangun kawasan luar bandar termasuk untuk membangunkan jalan-jalan kampung. Dan kalau saya tidak silap, Kerajaan Negeri Johor telah membuat satu pendekatan baru untuk mengatasi masalah ini.

Maka kita harap kalau Program Bakti Desa yang telah dilancarkan dapat dijalankan dan dapat sambutan yang baik dari pihak swasta, saya percaya kita dapat mempercepatkan lagi pembinaan jalan kampung ini. Dan saya berharap Ahli-

ahli Yang Berhormat yang ada syarikat-syarikat yang berjaya, sama-sama memberi sumbangan kepada projek ini supaya hasrat dan impian kita dapat ditunaikan.

**LESEN MEMANDU—  
MENGATASI KEMALANGAN  
PEMANDU REMAJA**

**21. Tuan Hashim bin Ismail (Ledang)** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah pihak kementerian sedar tentang meningkatnya kadar kemalangan di kalangan remaja belasan tahun. Oleh yang demikian, adakah kerajaan bercadang untuk menaikkan usia memiliki lesen memandu kereta dan motor kepada 20 tahun. Jika tidak, mengapa.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan (Tuan Chor Chee Heung):** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sememangnya menyedari tentang meningkatnya kadar kemalangan jalan raya yang melibatkan remaja belasan tahun. Walau bagaimanapun, adalah terlalu sukar untuk dikaitkan secara langsung faktor umur seseorang pemandu dengan kemalangan jalan raya. Apa yang jelas, kebanyakan kemalangan jalan raya yang berlaku adalah berpunca daripada sikap pemandu-pemandu sendiri yang kurang prihatin terhadap peraturan lalu lintas. Oleh yang demikian, setakat ini kerajaan tidak berhasrat untuk menaikkan usia memiliki lesen memandu kereta dan motosikal kepada 20 tahun. Sebaliknya usaha dalam mengurangkan kemalangan ialah melalui pendidikan menukar sikap pemandu supaya menjadi lebih prihatin terhadap peraturan lalu lintas.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyatakan bahawa kerajaan tidak berhasrat untuk menetapkan had umur minimum. Soalan saya, adakah had

umur maksimum ingin ditetapkan? Misalannya seseorang yang berumur lebih daripada 65 tahun tidak dibenarkan memandu kenderaan di atas jalan raya kerana had umur ini adalah suatu, .....

**Beberapa Ahli: (Mengganggu)**

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Barangkali bolehkah dilanjutkan sampai 70 tahun atau 75 tahun (*Ketawa*). Tetapi mesti ada hadnya, kerana kita lihat, ada orang yang terlalu tidak upaya masih lagi memandu kenderaan di atas jalan raya?

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut peruntukan undang-undang, mengenai kelayakan umur memandu dalam negara kita ialah 16 tahun untuk motosikal, 17 tahun untuk motokar dan 21 tahun untuk kenderaan berat seperti lori, bas, traktor ataupun kenderaan vokasional. Buat masa ini, kerajaan tidak mempunyai cadangan untuk mengadakan satu had maksimum untuk memandu kereta. Sebab mengikut kajian Kementerian Pengangkutan, seperti saya telah katakan tadi, kita tidak boleh mengaitkan umur dengan kemalangan. Ada ramai orang di negara kita yang berumur melebihi 60 tahun pun medically fit lagi, sedangkan ada pemuda pemudi yang berumur 30-an, 40-an tidak fit seperti orang yang berumur 70 tahun.

Oleh yang demikian, kita mempunyai satu sistem yang mana sebelum seseorang diberikan lesen memandu, mereka akan diberi ujian dari segi kebolehlihatan dan juga ujian untuk memandu secara praktikal sebelum mereka diberikan lesen.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana ini agaknya merupakan soalan yang terakhir untuk hari ini. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah cadangan kementerian melalui JPJ untuk

mengkaji semula kurikulum baru sekolah memandu kerana pada saya disebabkan oleh kurikulum yang ada begitu susah dan payah, dikhuatirkan dengan kesusahan dan kepayahan itu kemungkinan bakal-bakal pemandu mendapatkan lesen secara mudah dan sekolah-sekolah memandu ....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, cukuplah, padatkan soalan, masa tidak mengizinkan.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, hendak padatkan dua baris ini. Dan sekolah-sekolah memandu tidak menjalankan tugas-tugas untuk melaksanakan kurikulum tersebut dengan sepenuhnya. Jadi, soalannya adakah cadangan untuk mengkaji semula soalan-soalan ataupun kurikulum sekolah memandu berkenaan.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kesuntukan masa, untuk makluman Dewan yang mulia ini, pihak JPJ memang mempunyai cadangan untuk mengkaji semula kurikulum sekolah memandu dan salah satu langkah yang diambil peringkat awal ialah memperkenalkan KBSM ataupun Kurikulum Baru Sekolah Memandu yang mana sekolah-sekolah memandu harus mempunyai peruntukan-peruntukan yang tertentu, yang ditetapkan oleh pihak JPJ untuk menjalankan kegiatan mereka.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun tamat.

*(Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 4, 6, 8, 9, 13 dan 22 hingga 78 akan dijilid dalam buku berasingan)*

## RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

### RANG UNDANG-UNDANG PENGANGKUTAN JALAN (PINDAAN) 1996

#### Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1996) 1996

#### Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (15hb Julai, 1996)

DAN

USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.) (Bil. 2) 1996

"Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia satu bilion lima ratus enam belas juta, empat ratus lapan belas ribu, lima ratus enam (RM1,516,418,506) diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1996, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia satu bilion lima ratus enam belas juta, empat ratus lapan belas ribu,

lima ratus enam (RM1,516,418,506) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 1996 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 10 Tahun 1996 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesepuluh dan kesebelas penyata tersebut.”

diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli Yang Berhormat dari Tanjong diminta sambung.

**3.38 ptg.**

**Tuan Lim Kit Siang (Tanjong):** Tuan Yang di-Pertua, untuk menyambung ucapan saya semalam. Ini tidak selaras dengan kedudukan tegas Peguam Negara yang awal bahawa tindakan menyebarkan surat layang juga melanggar Akta Hasutan. Negara ini akan mengingati lagi suatu pertengkaran kecil atau suatu “tiff” di antara Peguam Negara dan Majlis Peguam, apabila beliau melahirkan perasaan terkejut menerima surat dari Presiden Majlis Peguam, Puan Hendon Mohamed, yang mengakui bahawa Majlis Peguam telah menerima surat layang yang pertama dalam bulan Januari 1996 dan telah mengedarkannya kepada ahli-ahli jawatankuasanya dan telah menerima surat layang kedua pada 19hb. Mac, 1996 diikuti dengan tindakan pihak polis merampas kedua-dua surat berkenaan dari Setiausaha Majlis Peguam.

Peguam Negara menghamun kejahilan Presiden Majlis Peguam dan Majlis Peguam keseluruhannya yang kononnya akan menjejaskan kedudukannya sendiri sehingga melanggar Akta Hasutan 1948. Tetapi kini, persoalan penyebaran dan pembahagian surat layang nampaknya bukan lagi suatu isu atau kesalahan lagi.

Adakah ini disebabkan oleh Syed Ahmad Iddid yang telah mengakui bertanggungjawab sepenuhnya terhadap penyebaran surat layang berkenaan dan salinannya diedarkan secara meluas, bukan sahaja di kalangan dunia perundangan tetapi juga di kalangan orang awam dalam beberapa bulan yang lepas? Atau pihak polis melalui penyiasatannya telah juga secara konklusif mengenal pasti orang yang bertanggungjawab mengedarkan surat layang berkenaan tetapi Peguam Negara telah membuat keputusan tidak mengambil sebarang tindakan disebabkan orang-orang ini juga telah meletak jawatan mereka masing-masing.

Pihak polis telah menangkap dua orang kerani dalam tempoh penyiasatan mereka. Parlimen berhak mengetahui hasil penyiasatan pihak polis, berapa orang yang telah dikenal pasti oleh pihak polis secara konklusif sebagai telah menyebarkan surat layang berkenaan ataupun pihak polis langsung tidak dapat mengenal pasti mana-mana satu orang yang melakukan kerja berkenaan.

Peguam Negara perlu menjelaskan kepada Parlimen dan rakyat jelata sama ada penyebaran surat layang terhadap badan kehakiman ini bukannya lagi suatu kesalahan ataupun merupakan kesalahan hanya selepas Peguam Negara mengadakan persidangan akhbarinya pada 9hb. Julai dan bukannya sebelumnya. Sekiranya pengedaran surat layang hanya menjadi suatu kesalahan selepas Peguam Negara mengadakan persidangan akhbarinya pada 9hb Julai, maka ini akan sama seperti sindiran terhadap undang-undang di negara ini.

Sungguh di bawah Artikel 145(3) Perlembagaan Persekutuan, Peguam Negara mempunyai kuasa dan kuasa itu hendaklah dijalankan menurut budi bicaranya bagi membawa, menjalankan atau memberhentikan apa-apa

pembicaraan mengenai sesuatu kesalahan dan keputusannya ini tidak boleh disoalkan di dalam mahkamah. Peguam Negara masih perlu menjawab kepada Parlimen untuk segala tindakannya dalam menjalankan tugas perlembagaannya demi memastikan bahawa tidak berlakunya penyalahgunaan kuasa ataupun penekanan 'operation' sewenang-wenangnya semasa beliau menggunakan budi bicara pendakwaannya.

Maka Parlimen merupakan forum yang paling sesuai untuk menyoal dan mencabar penggunaan kuasa pendakwaan Peguam Negara ini untuk membawa, menjalankan ataupun memberhentikan sebarang prosiding ke atas sesuatu salah laku dan Peguam Negara diwajibkan untuk memberikan penerangan yang sepenuhnya mengenai tindakannya dalam melakukan tugas sekiranya tindakannya ini diragui ataupun dicabar oleh Parlimen.

Di sini, sebagai mewakili rakyat Malaysia, saya ingin menyoal malah mencabar keputusan yang diambil oleh Peguam Negara di dalam kes surat layang 33 muka surat mengenai badan kehakiman ini dan menghendakkan Peguam Negara menjawab sepenuhnya kepada Parlimen mengenai tindakan beliau.

Ini adalah kerana keputusan Peguam Negara mengenai surat layang 33 muka surat ini bukan sahaja tidak dapat memulihkan keyakinan orang ramai terhadap integriti dan kebebasan badan kehakiman, tetapi telah menyebabkan tahap keyakinan orang ramai terhadap integriti dan kebebasan badan kehakiman ini menjunam ke titik yang paling rendah sekali.

**Tuan R. Karpal Singh:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Jelutong bangun.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya hendak bertanya kepada rakan saya dari Tanjong. Walaupun satu penyiasatan lanjut dan mendalam yang telah dijalankan oleh Peguam Negara dalam isu surat layang terhadap hakim-hakim tetapi apabila Peguam Negara mengumumkan hasil penyiasatan ini, ia ada menyatakan bahawa seorang hakim terlibat. Nama hakim itu tidak diumumkan. Hakim itu sebaliknya meletakkan jawatan dan saya difahamkan ia meletakkan jawatan oleh kerana ia telah diugut. Jika tidak letak jawatan—ke mahkamah dan selepas itu ke penjara. Itu ada dibuat. Satu ugutan ke atas seorang hakim, tetapi itu satu perkara yang lain.

Apa yang hairan ialah, hakim ini apabila ditanya, kenapa dia letak jawatan? Jawapannya antara lain ialah "I have got the seven years each"—apa ini? Satu mainan oleh hakim—seorang hakim yang dilantik oleh kerajaan, ada membicarakan beberapa kes di mana ia ada menghukum lebih daripada seorang untuk digantung, tidak ada prinsip untuk menyatakan kenapa dia letak jawatan, sebab-sebab dia meletak jawatan, apa terjadi dalam isu ini dan sebagainya.

Soalannya, adakah peranan Peguam Negara apabila tidak menamakan Syed Idid. Seluruh negara mengetahui Syed Idid adalah seorang yang terlibat. Kenapa Peguam Negara main-main? Main-main dengan rakyat, tidak mahu mengumumkan bahawa orang ini yang terlibat. Oleh itu adakah rakan saya dari Tanjong bersetuju dengan saya, kerana peranan Peguam Negara dalam hal ini dan juga dalam kes gadis di bawah umur 16 tahun—Rahim Tamby Chik, seorang celaka ini. Adakah....

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti dahulu, Yang Berhormat. Yang Berhormat boleh memberi contoh, tetapi saya hendak ingatkan Yang Berhormat, jangan gunakan perkataan yang tidak dibenarkan. Perkataan itu saya rasa.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya gunakan oleh kerana ianya adalah kali yang kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, nanti dahulu. Perkataan itu saya rasa janganlah digunakan. Walaupun ia bukan Ahli Dewan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Boleh, boleh, tidak mengapa. Baik, Tuan Speaker, apa yang lebih penting adalah ini. Adakah rakan saya dari Tanjong bersetuju dengan saya bahawa Perlembagaan Persekutuan dipinda untuk membolehkan Peguam Negara menduduki dalam Dewan yang mulia ini, seperti keadaan di dalam Dewan Undangan Negeri di mana Penasihat Undang-undang bagi negeri ada mengambil bahagian dalam Dewan itu atau menduduki dalam Dewan itu untuk membolehkan Ahli-ahli lain menyoalnya. Adakah keadaan itu lebih baik untuk mendapatkan Peguam Negara duduk di sini, bukan duduk di belakang sana. Jikalau beliau ada di sini hari ini, tetapi di dalam Dewan dan menjawab oleh kerana apa yang ada dalam Perlembagaan sekarang iaitu Perkara 145(3)—muktamad. Apa yang diputuskan olehnya bagi sesuatu pendakwaan tidak boleh dicabar di mana-mana, bukan di mahkamah tetapi boleh di sini. Jika apa yang saya cadangkan tadi, adakah rakan saya dari Tanjong bersetuju?

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, tentu saya bersetuju. Kita mahu Peguam Negara dalam Dewan yang mulia ini supaya beliau boleh melaksanakan tanggungjawabnya (accountability) kepada Dewan yang mulia ini dan bukan sekarang. Kita harap ada satu jawapan daripada pihak kerajaan mengenai beberapa perkara yang kita bangkitkan di sini. Kalau tidak ini adalah satu kelemahan akauntabiliti Parlimen, khasnya bagi pihak Peguam Negara.

Tuan Yang di-Pertua, Peguam Negara harus menjawab 8 persoalan dalam Parlimen untuk memberikan satu penjelasan yang sewajarnya mengenai keputusannya untuk tidak mendakwa Datuk Syed Ahmad Idid yang telah mengakui bertanggungjawab terhadap surat layang 33 muka surat yang mengandungi 112 tuduhan rasuah, salah guna kuasa dan salah laku terhadap 12 orang hakim yang dinamakan dalam surat berkenaan.

- (i) Peguam Negara nampaknya tersipu-sipu mengumumkan nama hakim mahkamah tinggi yang terlibat, sungguhpun adalah jelas siapa orang yang dirujukannya itu. Apabila pihak akhbar bertanya jika nama yang betul tidak diumumkan, adakah ia tidak adil untuk lain-lain hakim. Peguam Negara ada menjawab "siapa lagi hakim yang telah meletak jawatan? Dalam sejarah baru-baru ini sayalah hakim yang satu lagi yang telah meletak jawatan". Soalannya ialah menggapakan Peguam Negara tidak bersedia untuk mengumumkan nama bekas hakim mahkamah tinggi Datuk Syed Ahmad Idid bin Syed Abdullah Idid yang telah meletakkan jawatan pada 1hb. Julai dan merupakan satu-satunya hakim yang telah meletak jawatan baru-baru ini. Sebaliknya Peguam Negara tidak ragu-ragu dalam membongkarkan latar belakang budak perempuan yang berumur 15 tahun yang terlibat dalam kes melibatkan bekas Ketua Menteri Melaka dan Ketua Pemuda UMNO Tan Sri Rahim Tamby Chik, sungguhpun pembongkaran itu bukan sahaja tidak adil malah tidak ada kena-mengena dengan dakwaan yang melibatkan Rahim.
- (ii) Keputusan Peguam Negara tidak mendakwa hakim mahkamah tinggi sungguhpun pihak polis telah mengenal pasti bahawa

beliau adalah bertanggungjawab terhadap penulisan dan penerbitan surat layang berkenaan atas sebab tindakan meletakkan jawatannya itu adalah hukuman yang cukup berat, tidak mempunyai kredibiliti atau tidak meyakinkan langsung.

Ini membangkitkan pertanyaan mengenai sama ada wujudnya 'double standard' atau pendakwaan selektif 'selective prosecution' terutama sekali apabila kita semua masih ingat lagi, lain-lain kes yang berlaku baru-baru ini, misalnya pendakwaan Timbalan Setiausaha Agung DAP merangkap Ahli Parlimen Kota Melaka, Lim Guan Eng dan Pengarah Tenaganita, Irene Fernandez, serta penarikan balik lain-lain tuduhan termasuk tuduhan termasuk tuduhan-tuduhan yang ditujukan kepada Rahim Tamby Chik dan Jeffrey Kitingan, setelah beliau menyertai Barisan Nasional.

Pada akhir bulan Mac tahun ini Peguam Negara telah berkata bahawa penyiasatan ke atas surat layang yang melibatkan badan kehakiman merupakan perkara ulung yang berlaku di negara ini yang dilakukan di bawah seksyen 3(1)(c) Akta Hasutan 1948 yang menafsirkan kecenderungan hasutan atau seditious tendency sebagai satu kecenderungan untuk membawa kebencian ataupun kehinaan ataupun untuk membangkitkan perasaan tidak puas hati terhadap pentadbiran keadilan di Malaysia ataupun di mana-mana negeri.

Kita ada satu kes di sini di mana Peguam Negara mengumumkan bahawa pihak polis telah mengenal pasti secara konklusif pegarang surat layang 33 muka surat yang membuat 112 dakwaan korupsi, salah guna kuasa dan salah laku yang melibatkan 12 hakim yang dinamakan di dalam surat berkenaan, suatu tindakan yang dihuraikan secara umum oleh Peguam Negara sebagai cukup merosakkan integriti badan kehakiman dan pentadbiran keadilan di negara ini.

Bagaimanapun, beliau mengambil keputusan tidak mendakwa ataupun mengenakan dakwaan ke atas penulis berkenaan. Sebaliknya, kita mendapati Peguam Negara meneruskan pendakwaan terhadap Ahli Parlimen DAP, Kota Melaka. Mengikut seksyen 31(c) Akta Hasutan kerana membangkitkan ketidakpuasan hati terhadapnya pentadbiran keadilan Malaysia kerana mengkritik cara kerajaan mengendalikan kes Rahim Tamby Chik dan budak 15 tahun itu.

Perkara manakah yang lebih serius dalam segi merosakkan integriti badan kehakiman dan pentadbiran keadilan di negara ini? Surat layang setebal 33 muka surat yang membuat 112 dakwaan rasuah, salah guna kuasa, salah laku terhadap 12 orang hakim ataupun kritikan yang dibuat oleh Lim Guan Eng, ataupun ini hanyalah satu kes yang bukan sahaja membongkar ketidakkonsistensi Peguam Negara dalam melakukan tugas pendakwaannya, tetapi juga satu kes yang memperlihatkan mempolitikkan ataupun 'politicisation' kuasa Peguam Negara yang jelas sekali salah guna kuasa yang tidak selaras dengan Perlembagaan?

Sebenarnya dari segi keseriusan hasutan, surat layang yang membuat 112 tuduhan rasuah, salah guna kuasa dan salah laku terhadap 12 hakim akan menduduki tempat tertinggi di atas semua kes hasutan termasuk semua kes hasutan yang telah dibicarakan. Tetapi Peguam Negara tidak pula bersedia untuk melakukan sebarang pendakwaan.

Soalan yang ketiga, sama ada Peguam Negara telah merampas fungsi atau "usurped" fungsi dan kuasa badan kehakiman yang bertanggungjawab membuat keputusan setelah melakukan perbicaraan, sama ada perletakan jawatan seorang Hakim Mahkamah Tinggi adalah satu hukuman yang cukup berat tanpa

perlu dikenakan lain-lain hukuman lagi. Sekiranya Peguam Negara telah mendapati cukup bukti bahawa Syed Ahmad Idid adalah penulis surat layang jahat berkenaan, 'vicious vile' yang beliau sifatkan, maka tugas perlembagaan beliau adalah untuk mendakwa beliau dan membiarkan mahkamah membuat keputusan tentang hukuman yang akan dikenakan, dan bukannya cuba meringankan masalah atau 'mitigate' untuk Syed Ahmad Idid.

Peguam Negara kini telah membuat satu precedent yang bahaya, di mana mereka yang berada di kedudukan tinggi yang melakukan kesalahan jenayah dapat melepaskan diri dari keadilan kerana Peguam Negara telah mengelirukan tugas perlembagaan beliau dan mengambil keputusan untuk 'mitigate' untuk orang-orang ini pula.

Di dalam persidangan akhbarinya, apabila ditanya mengapakah beliau tidak mengambil tindakan terhadap penulis surat layang berkenaan? Peguam Negara memberikan satu alasan dan mengiaskan yang lain. Alasan yang beliau berikan adalah perletakan jawatan ataupun pemecatan seorang dari jawatannya begini adalah merupakan satu hukuman yang cukup berat dalam keadaan ini. Beliau juga berkata, inilah satu faktor sahaja. Dengan izin, "this is just one factor. Of course there are factors. So, as I said, based on the evident concerned, we have decided, although we have identified the person, that we should not prosecute the person concerned."

Sekiranya perletakan jawatan merupakan hukuman secukupnya untuk hakim ataupun lain-lain orang yang memegang jawatan tinggi bagi kesalahan yang mereka lakukan, adakah Peguam Negara kini menyuarakan satu doktrin perundangan yang baru untuk kerajaan kita dalam Wawasan 2020, di mana prinsip

asasi keadilan perundangan telah diabaikan dan rakyat Malaysia tidak akan dilayan secara adil di depan undang-undang, sama ada dari segi pendakwaan atau hukuman?

**Tuan R. Karpal Singh:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Jelutong bangun.

**Tuan R. Karpal Singh:** Minta maaf kepada rakan saya. Tetapi ada dua-tiga perkara penting. Adakah rakan saya bersetuju dengan saya bahawa ada banyak kes di mana Peguam Negara tidak menggunakan budi bicara yang ada diletakkan dalam tangannya dengan sewajarnya. Baru-baru ini dalam kes Ketua Menteri Sabah, Yong Teck Lee—tidak tahu nama dia. Dia didakwa di mahkamah dengan satu atau dua rakannya di bawah seksyen 27 Akta Polis. Selepas pindaan kepada akta itu, sekarang hukuman adalah minimum RM2,100 denda. Perbicaraan dijalankan. Adakah Mahkamah Tinggi atas point of law atau Mahkamah Persekutuan, selepas itu balik ke Mahkamah Session di Kota Kinabalu dijalankan. Ketua Menteri ada dalam kandang. Dengan tidak ada apa-apa sebab, apa yang diadakan adalah satu tuduhan pindaan. Pindaan kepada satu pertuduhan di bawah Kanun Keseksaan, di mana beliau didenda RM1,000. Tidakkah ini salah guna kuasa oleh Peguam Negara? Bolehkah Peguam Negara lihat apa yang terjadi di depannya? Tetapi dia yang buat, bukan dia dibuat. Bolehkah keadaan seperti itu dipertahankan? Bukan kes itu juga, tetapi dalam kes MITI, di mana walaupun ada keterangan diberi dalam satu kes dalam Mahkamah Session di Kuala Lumpur, di mana peranan Dato' Seri Rafidah Aziz ada dibongkar, di mana beliau menunjukkan pilih kasih kepada anak menantunya. Tetapi Peguam Negara tidak mengambil apa-apa tindakan atas menteri ini atau anaknya.



Baru-baru ini adakah rakan saya dari Tanjong sedar bahawa ada satu surat ada ditulis oleh seorang bernama E.C. Tan, ex-ACA Officer, Harun Hashim Administration, yang dipanjangkan kepada saya satu salinan dan juga rakan saya. Saya tidak tahu bahawa beliau ada menerima itu. Tetapi apa yang ada isi kandungan surat ini yang bertarikh 9hb Jun 1996 adalah berfaedah. Saya baca apa yang ada dalam surat beliau.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, saya rasa biasanya peluang yang diberi itu untuk menyoal....

**Tuan R. Karpal Singh:** Ya, saya memang menyoal.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):**.....minta penjelasan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Penjelasan atas ini. Atas apa yang jadi isi kandung.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, kalau hendak baca keratan surat itu saya rasa.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Ya, oleh kerana saya mahu dapat penjelasan dari rakan saya. Oleh kerana ada di sini, bukan semua, dua-tiga perenggan. Bolehkah Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Itu pun dikira panjang sangat.

**Tuan R. Karpal Singh:** No, no. Saya pendekkan. It must also be mentioned that all past cases cited were not as serious in nature as that involving Dato' Seri Rafidah Aziz. She was instrumental and the architect in the 1.5 milion Leader Universal shares allocation to her son-in-law, Fazrin Mohd. Nor. She rejected the earlier 250,000 share allocation proposed by her own committee and went on to approve the 1.5 milion allocation

made to a single person - her son-in-law. She never disclose that Fazrin Mohd. Nor was a relative and went on to sign the approval as Minister of International Trade and Industry. If this is not corrupt practice at the highest level, then what is it? Dato' Seri Rafidah Aziz should not be the exception, otherwise, the law has discrimination and the continued existence of BPR will be a mockery. Besides, both the Prime Minister and the Deputy had in the past repeated a corruption as a cancer to the society and will erode and destroy the country.

Satu lagi perenggan, Tuan Yang di-Pertua.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat..

**Tuan R. Karpal Singh:** Your kind...pendek ini. (*Ketawa*) Your kind attention is also drawn...

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Boleh soal Yang Berhormat. Tetapi jangan baca macam ini. Jangan baca Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Sedikit. Your kind attention is also drawn to the fact that ACA in the past did pick up information from articles in the press and initiate action. A number of people were taken to court and dealt with appropriately. This is we read in the papers that BPR and certain Minsters asked people to lodge report. One must not forget the fact that no private individual would make allegations against any top politicians for fear of repurcation and the wroth of it. In view of the crystal clear involvement of the Minister of International Trade and Industry in corrupt practice, I now officially make an allegation against her based on the newspaper report. I also seek a BPR investigation. If it has been investigated and the matter closed, I asked reopening

on ground of new evidence revealed in the case. Adakah rakan saya bersetuju dengan saya bahawa kes ini harus di"reopen" kerana ada satu surat yang dihantar kepada BPR?

**Tuan Lim Kit Siang:** Tentu yang perlu ialah Peguam Negara dan Dewan dewan ini untuk memberi keterangan atau penjelasan mengenai keputusannya menjalankan budi bicaranya atau prosecutorial discretion sama ada kenapa keputusan beliau diambil sama ada mengenai kes Yong Teck Lee di mana ada tukar caj setengah jalan perbicaraan atau keputusan tidak ambil tindakan mengenai kes MITI yang melibatkan Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan sebab kita perlu beliau dalam Dewan ini supaya kita ada satu akauntabiliti, kita tidak mahu keputusan dibuat di mana sangat ketara ada penyalahgunaan kuasa (abuse of power) prosecutorial discretion Peguam Negara. Nampaknya dalam kes Peguam Negara ini adalah banyak kes berlaku apabila dibandingkan dengan Peguam Negara yang dahulu. Kita pun tidak begitu bersetuju dengan Peguam Negara yang dahulu iaitu Tan Sri Abu Talib tetapi nampaknya tidak begitu ketara kes-kes penyalahgunaan kuasa budi bicara pendakwaan khususnya politicization kuasa prosecutorial discretion.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan. Orang ramai tentu amat prihatin tentang implikasi keputusan Peguam Negara ini dan Parlimen mesti bertanya sama ada Peguam Negara telah mengeluarkan satu 'blank cheque' kepada semua penjawat kedudukan tinggi kerajaan bahawa mereka tidak akan dituduh di bawah kesalahan jenayah ataupun rasuah sekiranya mereka bersedia untuk meletakkan jawatan. Dengan izin, the worst that can happen to them, kalau mereka korup pun, kalau resign tidak apa. Adakah ini satu 'blank cheque', ini satu mesej yang dikeluarkan

oleh Peguam Negara dalam kes beliau mengendalikannya surat layang yang buat tuduhan terhadap kehakiman? Adakah ini implikasinya?

Selanjutnya, adakah ini juga bererti bahawa hukuman yang paling teruk yang akan dihadapi oleh seorang Menteri atau Timbalan Menteri yang korup hanyalah perletakan jawatan dan perletakan jawatan adalah hukuman yang secukupnya terhadap tindakan rasuah mereka dan mereka tidak akan didakwa di mahkamah terbuka? Adakah ini bermaksud bahawa pada masa-masa lampau semasa Tun Hussein Onn menjawat kedudukan Perdana Menteri dan Menteri Besar seperti Dato' Harun Idris boleh didakwa di mahkamah dan dikenakan hukuman penjara itu sudah menjadi peristiwa yang lampau dan tidak kembali lagi? Itulah satu era yang tidak kembali lagi. Sekarang tidak ada pendakwaan. Resign cukup, kalau perlu. Kalau tidak perlu, boleh terus korup.

Ini membangkitkan banyak persoalan yang merunsingkan mengenai kuasa pendakwaan yang telah digunakan oleh Tan Sri Mohtar Abdullah sejak beliau menjawat jawatan Peguam Negara. Sebagai contohnya, adakah perletakan jawatan Tan Sri Rahim Thamby Chik sebagai Ketua Menteri Melaka serta Ketua Pemuda UMNO masa itu merupakan faktor-faktor yang mempengaruhi keputusannya untuk tidak mendakwa Rahim Thamby Chik dalam kes yang berkaitan dengan seorang budak perempuan yang berumur 15 tahun serta menarik balik semua tuduhan rasuah yang dihadapi oleh Rahim Thamby Chik? Adakah itu yang mempengaruhi keputusan prosecutorial discretion? Sekiranya jawapannya ialah positif, maka adakah Peguam Negara akan mengkaji semula kuasa pendakwaannya dalam kedua-dua kes yang membolehkan Rahim Thamby Chik kembali ke arena politik dengan

bukan sahaja berjaya menjawat semula jawatan sebagai Ketua Pemuda UMNO, malah menuju kedudukan yang lebih tinggi dalam kerajaan selepas pilihan raya Pemuda UMNO pada akhir tahun ini?

Ini sangat tepat dan relevan oleh kerana Peguam Negara ada membayangkan kalau Syed Iddid balik ke career undang-undang, kes mungkin boleh dibuka semula—20 tahun. Sekarang Rahim Thamby Chik sudah balik, sungguhpun sudah letak jawatan, adakah Peguam Negara akan membuka semula keputusan sama ada mahu ambil tindakan terhadap beliau atau tidak? Tambahan lagi sekiranya perletakan jawatan adalah hukuman yang cukup berat, adakah Peguam Negara akan menarik balik tuduhan-tuduhan yang diajukan terhadap Irene Fernandez sekiranya beliau meletak jawatan sebagai Director Tenaganita dan sama ada Peguam Negara akan juga menarik balik tuduhan terhadap Yang Berhormat Ahli Parlimen dari Kota Melaka kalau beliau meletak jawatan (resign) sebagai Ahli Parlimen? Adakah ini ukuran (yardstick) untuk membuat prosecutorial discretion?

Walau bagaimanapun, alasan bahawa perletakan jawatan untuk seorang hakim adalah hukuman yang paling berat sekali, tidak boleh dijadikan keputusan dasar (policy consideration) yang menyebabkan Peguam Negara menggunakan kuasa prosecutorial discretion untuk tidak mendakwa Datuk Syed Ahmad Iddid. Bahawa hukuman itu yang cukup berat tidak boleh menjadi policy consideration. Itu bukan policy consideration. Kenapa Peguam Negara buat keputusan tidak mahu dakwa?

Ini membawa kita kepada soalan yang keempat di mana Peguam Negara mesti bertanggungjawab terhadap Parlimen, apakah pertimbangan dasar di belakang kuasa pendakwaannya? Peguam Negara telah merujuk kepada lain-lain faktor (other factors) di dalam persidangan

akhbarnya untuk menjelaskan keputusannya menggunakan kuasanya yang semestinya merupakan pertimbangan dasar yang sebenar. Saya mengakui bahawa Peguam Negara sungguhpun merupakan dengan izin, 'Crown's Chief Prosecutor' apabila melaksanakan budi bicara pendakwaannya bukanlah hanya merupakan seorang peguam, menggunakan pengetahuan dan standard seorang peguam dan memutuskan sama ada wujudnya *prima facie* yang membolehkan mahkamah mengambil tindakan.

Seorang Peguam Negara harus menggariskan perbezaan yang jelas di antara aspek undang-undang kes berkenaan dan persoalan mengenai dasar yang dihadapi yang melibatkan kepentingan negara ataupun keselamatan awam sama ada dengan contoh, dengan izin, whether it would best served the public interest to prosecute a person, the perceive harm to the public, whether a prosecution might involve any consideration of public security dan lain-lain. Inilah pertimbangan-pertimbangan dasar yang Parlimen berhak tahu apabila budi bicara pendakwaan Peguam Negara diragui ataupun dicabar terutama sekali untuk meyakinkan Parlimen bahawa beliau tidak mengambil kira faktor yang tidak wajar diambil kira dalam menggunakan budi bicaranya di dalam kes ini dengan menolak alasan bahawa perletakan jawatan seorang hakim merupakan hukuman yang cukup berat boleh menjadikan faktor dasar yang mempengaruhi budi bicara Pendakwaan Peguam Negara. Parlimen mesti bertanya apakah pertimbangan dasar yang telah menyebabkan Peguam Negara untuk mengambil keputusan bahawa demi kepentingan orang ramai, maka tidak perlu diadakan pendakwaan sungguhpun pihak polis telah secara konklusif mengenal pasti penulis surat layang berkenaan.

Sampai sekarang kita tidak dengar satu faktor atau polisi consideration yang diketengahkan oleh Peguam Negara, kenapa dia tidak mendakwa Iddid, bahawa

resignation cukup berat—itu bukan polisi consideration—itu mitigating circumstances—bukan polisi consideration. Apa polisi consideration? Sebagai contoh sekiranya Peguam Negara yakin bahawa tindakan pendakwaan terhadap 'surat layang' setebal 33 muka surat terhadap badan kehakiman ini akan merosakkan keyakinan orang ramai terhadap integriti dan kebebasan badan kehakiman sampai ke tahap yang tidak boleh dipulihkan. Maka pertimbangan ini boleh menjadi pertimbangan yang sah, bahawa kalau Idid didakwa orang ramai akan hilang keyakinan terhadap kebebasan dan integriti kehakiman—mungkin, oleh kerana kita tidak boleh membenarkan kehakiman kita sampai jatuh ke tahap itu, kalau itulah satu perkiraan.

Bagaimanapun oleh sebab Peguam Negara telah mengumumkan bahawa beliau berpuas hati dengan kekurangan fakta atau asas semua sekali di dalam 112 tuduhan mengenai dengan korupsi, salah guna kuasa dan salah laku yang ditujukan ke atas 12 hakim yang dinamakan di dalam 'surat layang' berkenaan, maka ini tidak boleh menjadi satu faktor atau dasar. Maka mengapa pula tindakan mendakwa Datuk Syed Ahmad Idid boleh merosakkan lagi keyakinan orang ramai terhadap integriti dan kebebasan badan kehakiman?

Sebenarnya pendakwaan dalam keadaan ini hanya dapat memulihkan keyakinan orang ramai terhadap integriti dan kebebasan badan kehakiman, melainkan Datuk Syed Ahmad Idid sekiranya didakwa di mahkamah dapat cabar dakwaan yang dihadapinya dan berupaya untuk membuktikan walaupun bukan kesahan semua 112 tuduhan yang dibuatnya mengenai rasuah, salah guna kuasa dan salah laku badan kehakiman, tetapi sekurang-kurangnya setengah dari tuduhan berkenaan.

Saya akan memahami sungguhpun saya mungkin tidak setuju dengan keputusan Peguam Negara untuk tidak mendakwa Datuk Syed Ahmad Idid sekiranya beliau memang kluatir bahawa perbicaraan terbuka akan membawa badan kehakiman ke arah krisis keyakinan orang ramai. Yang lebih teruk lagi hasil daripada 120 tuduhan yang mungkin berasas — mungkin berasas, tetapi sekiranya kejadian sebegini wujud, maka Peguam Negara tidak seharusnya mengumumkan bahawa 112 tuduhan yang terkandung dalam 'surat layang' berkenaan adalah tidak berasas dan tidak benar sekali.

Saya pasti Peguam Negara tentu sedar bahawa ada orang yang kini berkata-kata bahawa Datuk Syed Ahmad Idid yang mengakui menulis 'surat layang' berkenaan pada mulanya pernah meminta supaya ditubuhkan satu Tribunal Badan Kehakiman untuk mengendalikan kesnya yang mana membolehkannya berpeluang membela dirinya sendiri.

Perlu diperhatikan juga sungguhpun Peguam Negara berkata bahawa hakim Mahkamah Tinggi berkenaan telah mengakui kepada pihak polis, beliau yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap penulisan dan penerbitan 'surat layang' 33 muka surat berkenaan, tetapi tidak ada sebarang kata-kata yang membangkitkan mengenai sama ada beliau juga mengakui bahawa 112 tuduhan yang dibuatnya itu langsung tidak berasas atau tidak benar sama sekali. Ini merupakan persoalan kelima yang Peguam Negara harus menjawab kepada Parlimen, sama ada inilah satu sebab utama mengapa tiada pendakwaan ataupun perbicaraan terbuka terhadap kebenaran atau tidaknya 112 tuduhan yang melibatkan 39 mengenai rasuah, 20 salah guna kuasa dan 52 salah laku terhadap 12 hakim yang berkenaan.

Sekiranya Datuk Syed Ahmad Idid telah didakwa di mahkamah, adakah dia cuba membuktikan kebenaran setengah

tuduhan yang dibuatnya sungguhpun beliau mengaku menulis surat layang berkenaan.

Soal keenam, orang ramai pun bertanyanya sama ada mungkin bagi seorang sahaja yang bertanggungjawab terhadap penulisan dan penerbitan secara meluas surat layang 33 muka surat ini. Sementara Peguam Negara sendiri telah mengumumkan di Persidangan Hakim-hakim di Kuching bahawa 'surat layang' berkenaan merupakan dengan izin, tindakan setengah orang yang cuba mencemuh, menganiayai dan memburuk-burukkan nama baik badan kehakiman dengan niat untuk merosakkan kestabilan negara dengan menghakis keyakinan orang ramai terhadap badan kehakiman.

Soalan ketujuh, apakah sebenarnya yang diakui oleh Datuk Syed Ahmad Idid dan motifnya untuk menulis 'surat layang' berkenaan?

Saya telah memperhatikan sungguhpun Peguam Negara berkata bahawa Hakim Mahkamah Tinggi berkenaan telah mengakui kepada pihak polis bahawa beliau adalah seorang yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap penulisan dan penerbitan 'surat layang' 33 muka surat berkenaan, tetapi tidak pula dibangkitkan mengenai sama ada beliau telah mengakui bahawa kesemua 112 tuduhan yang dibuatnya itu tidak berasas atau tidak benar langsung. Apabila ditanya oleh pihak akhbar apakah tujuan Datuk Syed Ahmad Idid menulis 'surat layang' berkenaan, sama ada beliau mempunyai sebarang motif dan sama ada beliau hanya bergurau sahaja, Peguam Negara menjawab dengan izin,

"I dont' know. It is not a joke. It is definitely not a joke. The person concerned has given a full statement to the police disclosing the reason. I am not in a position to disclose the

reason but definitely, the act that has been done by him is something that is so serious as to warrant this full-scale investigation and this has resulted in the said judge electing to resign. In the circumstances, we feel that no purpose is served by having further prosecution on the matter."

Tuan Yang di-Pertua, Datuk Syed Ahmad Idid adalah seorang hakim yang dihormati oleh kalangan peguam dan pada keseluruhannya pembongkaran bahawa beliau adalah penulis 'surat layang' ini telah timbul sebagai satu yang memeranjatkan semua peguam, oleh sebab keyakinan orang ramai terhadap integriti dan kebebasan badan kehakiman telah menjunam ke tahap yang paling rendah, malah sebelum pembongkaran secara terbuka mengenai kedudukan dan pengedaran 'surat layang' 33 muka surat yang mendakwanya berlakunya rasuah, salah guna kuasa dan salah laku di kalangan badan kehakiman. Rakyat Malaysia berhak tahu mengapakah seorang Hakim Mahkamah Tinggi yang dihormati seperti Datuk Syed Ahmad Idid dapat didorong untuk menulis 'surat layang' yang disifatkan oleh Peguam Negara sebagai amat menghasut, memfitnah dan mengejek yang bertujuan untuk merosakkan nama baik para hakim. Pertanyaan ini juga telah dibangkitkan oleh Majlis Peguam. Dalam kenyataan pada 10hb Julai apabila ia menyatakan, dengan izin:

"The whole episode of the poison pen letters also brings to focus the reasons why the judge was compelled to resort to such measures. It is a sad commentary on the state of the Malaysian judiciary that one of its members found no channels to communicate his grievances, whether real or perceived, other than through a poison pen letter."

Untuk sebab ini kenyataan penuh Datuk Syed Ahmad Idid kepada pihak polis yang menyatakan sebab untuknya menulis 'surat layang' 33 muka surat ini harus

diumumkan sama ada dalam bentuk kertas putih dalam Parlimen ataupun secara berasingan.

Soalan kelapan berkenaan dengan penolakan 112 tuduhan yang melibatkan rasuah, salah guna kuasa dan salah laku terhadap 12 hakim. Ini merupakan tuduhan-tuduhan yang serius bukan sahaja menjejaskan keyakinan orang ramai terhadap integriti dan kebebasan para hakim, malah juga menjejaskan keseluruhan masalah rasuah di Malaysia.

Adalah amat penting bahawa para hakim yang namanya wujud di dalam 'surat layang' berkenaan dibersihkan dari semua ragu-ragu rasuah, salah guna kuasa dan salah laku yang dapat memulihkan keyakinan orang ramai dan kredibiliti badan kehakiman. Malang sekali, Badan Pencegah Rasuah sendiri telah kehilangan semua kredibiliti sebagai sebuah badan pencegah rasuah yang berkuasa, yang berwibawa dan kebebasan untuk menangani masalah rasuah yang melibatkan mereka di jawatan tinggi dan sebarang jaminan dari BPR sebegini tidak akan dapat memulihkan integriti atau kredibiliti mana-mana pihak.

Cara paling baik untuk membersihkan nama baik Badan Kehakiman dari tuduhan-tuduhan korupsi, salah guna kuasa dan salah laku sebagaimana yang terkandung di dalam surat layang 33 muka surat berkenaan adalah melalui proses penyiasatan bebas dan sepenuhnya oleh suatu badan penyiasatan yang mendapat keyakinan dan dihormati oleh semua pihak.

Dalam kenyataan sidang akhbaranya Selasa lepas, Peguam Negara berkata: "Pejabat saya dan saya telah membaca dengan teliti kertas-kertas penyiasatan BPR dan pihak polis dan kita berpuas hati bahawa tuduhan-tuduhan yang terkandung di dalam surat layang berkenaan adalah tidak berasas dan tidak benar."

Sekiranya isu ini sememangnya begitu terus terang, bahawa 112 tuduhan mengenai rasuah, salah guna kuasa dan salah laku terhadap 12 hakim yang terlibat adalah tidak berasas dan tidak benar sama sekali, mengapa pula Peguam Negara perlu menangguhkan pengumuman mengenai keputusannya untuk selama seminggu, memandangkan beliau telah merancang untuk membuat pengumuman pada hari yang lebih awal.

Peguam Negara berkata bahawa kedua-dua BPR dan pihak polis telah menjalankan penyiasatan komprehensif ke atas 112 tuduhan spesifik terhadap 12 hakim yang dinamakan di dalam surat layang berkenaan. Ini membangkitkan persoalan tentang mengapakah pihak polis perlu dilibatkan di dalam kes yang berkenaan dengan korupsi, yang seharusnya merupakan tanggungjawab BPR sahaja. Bagaimanakah 112 tuduhan spesifik mengenai rasuah, salah guna kuasa dan salah laku ini dibahagikan di antara BPR dan pihak polis. Ataupun penyiasatan dijalankan secara bersama ataupun bertindihan.

Peguam Negara mungkin berpuas hati bahawa 112 tuduhan mengenai rasuah, salah guna kuasa dan salah laku berkenaan adalah langsung tidak benar dan tidak berasas, tetapi orang ramai mestilah juga dapat diyakinkan, kerana perkara ini bukan sahaja melibatkan integriti 12 hakim tetapi keseluruhan soal integriti dan kebebasan Badan Kehakiman.

Untuk sebab ini, Peguam Negara harus membentangkan di Parlimen satu senarai penuh hasil siasatan BPR dan pihak polis mengenai 112 tuduhan spesifik tentang rasuah, salah guna kuasa dan salah laku, sungguhpun nama-nama hakim yang terlibat boleh ditinggalkan.

Di dalam kenyataan akhbaranya, Peguam Negara berkata BPR telah memberitahu bahawa semasa menjalankan

penyiasatan ke atas surat layang berkenaan, mereka telah memperolehi sesetengah maklumat dan perkara yang memerlukan penyiasatan lanjut dan beliau telah mengarahkan memberi authorisation supaya mereka menyiasat perkara-perkara berkenaan. Beliau berkata ini merupakan perkara berasingan dan akan hanya disiasat oleh BPR sebagai penyiasatan rutin dan tidak ada kena-mengena dengan surat layang berkenaan.

Persoalan yang timbul dengan segera adalah bahawa sekiranya BPR mendapati maklumat yang dengan langsung berkaitan dengan tugasnya untuk memerangi rasuah, mengapakah ia perlu mendapatkan persetujuan dari Peguam Negara sebelum ia boleh menjalankan penyiasatan selanjutnya sungguhpun perkara itu berkaitan dengan hakim-hakim. Percakapan Peguam Negara ini telah menyerlahkan kekurangan kebebasan bagi pihak BPR.

Peguam Negara harus menjelaskan selain dari pihak hakim, siapa lagi yang BPR perlu mendapatkan kelulusan darinya sebelum melakukan penyiasatan mengenai rasuah, tentulah menteri-menteri, timbalan-timbalan menteri, menteri-menteri besar yang lain.

Untuk sebab-sebab di atas, Peguam Negara harus membuat penjelasan yang sewajarnya kepada Parlimen mengenai alasan dasar yang menyebabkannya mengambil keputusan tidak mendakwa Dato' Syed Ahmad Idid sungguhpun beliau telah mengakui bertanggungjawab sepenuhnya terhadap surat layang 33 muka surat yang membuatkan 112 tuduhan rasuah, salah guna kuasa dan salah laku terhadap 12 hakim.

DAP juga menyeru kerajaan supaya mempertimbangkan secara serius untuk menubuhkan satu Suruhanjaya Penyiasatan Diraja untuk mencadangkan reformasi badan kehakiman demi memulihkan keyakinan orang ramai

terhadap integriti dan kebebasan badan kehakiman. Saya tidak tahu sama ada teguran-teguran yang saya telah buat mengenai keputusan pendakwaan atau budi bicara pendakwaan Peguam Negara dalam kes ini akan dapat satu jawapan yang memuaskan, kalau tidak ini akan menunjukkan bahawa Peguam Negara tidak upaya untuk meyakinkan bahawa beliau tidak menyalahguna kuasa dalam perkara ini, bahawa beliau tidak memberi apa-apa perkiraan atau faktor atau sebab polisi kenapa beliau tidak mendakwa atau membuat pendakwaan dalam kes ini.

Tuan Yang di-Pertua, DAP mengalu-alukan pengumuman yang dibuat oleh Jabatan Perdana Menteri di Parlimen semasa menjawab pertanyaan mulut saya hari Rabu lepas bahawa BPR telah mengemukakan satu draf Akta Anti Rasuah 1996 kepada Kamar Peguam Negara dan bahawa kerajaan kini sedang mengkaji draf berkenaan.

DAP menyeru supaya kerajaan mengumumkan draf Akta-akta Rasuah 1996 untuk mendapatkan reaksi serta input dari orang ramai, di samping memastikan bahawa Kamar Peguam Negara serta Jemaah Menteri akan memberikan prioriti utama kepada draf ini supaya undang-undang anti rasuah yang baru ini dapat memantapkan lagi kuasa BPR dalam tugasnya memerangi rasuah di kedudukan jawatan tinggi serta menambahkan penalti kesalahan-kesalahan rasuah.

Di dalam Mesyuarat Parlimen ini, Ahli-ahli Parlimen DAP telah mengemukakan beberapa soalan mengenai rasuah, terutama yang berkenaan dengan indeks rasuah antarabangsa 1996 yang dikendalikan oleh sebuah NGO di Berlin, Transparency International yang meletakkan Malaysia di tempat ke 26 dari senarai 54 negara, dibandingkan dengan indeks rasuah 1995 di mana Malaysia menduduki nombor 23 dalam senarai 41 negara.

Sekurang-kurangnya kerajaan telah memperlihatkan sikap yang lebih serius dalam Mesyuarat Parlimen kali ini berkenaan dengan indeks rasuah antarabangsa Transparency International bila dibandingkan dengan mesyuarat bulan April lepas, di mana cubaan DAP untuk mengadakan satu perbincangan Parlimen mengenai indeks rasuah antarabangsa Transparency International 1995 telah ditolak oleh kerajaan dengan sikap bahawa ia tidak tahu-menahu tentang badan yang bernama Transparency International ini ataupun bagaimana indeks rasuah ini dihitung.

Sikap pada bulan April itu sungguh memeranjatkan kerana adalah sungguh mengelirukan dan tidak benar bagi kerajaan untuk mendakwa bahawa ia tidak tahu apa itu Transparency International ataupun bagaimana ia menghitung indeks korupsinya yang menjadikan Malaysia bahan ketawa di arena antarabangsa.

Hari Khamis lepas, Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri mengakui bahawa Malaysia telah menghantar perwakilan kesemua tujuh Persidangan Anti-Rasuah Antarabangsa atau International Anti Corruption Conference (IACC) dalam 15 tahun yang lepas, antaranya mesyuarat ketujuh di Beijing pada bulan Oktober lepas di mana Malaysia diwakili oleh empat orang pegawai kanan dari BPR.

Kerajaan Malaysia tidak harus memberikan gambaran salah kepada Parlimen pada bulan April lepas bahawa ia tidak tahu-menahu tentang Transparency International kerana dalam mesyuarat ketujuh IACC di Beijing, Transparency International telah secara rasminya diundang untuk menjadi koordinator IACC dan bertanggungjawab menganjurkan Mesyuarat IACC di masa depan, memandangkan kedudukan antarabangsanya dalam kempen memerangi

rasuah sejak pertubuhannya di bulan Mei 1993, demi mendapatkan sokongan seluruh dunia memerangi rasuah dan semua jenis salah guna kuasa demi mengaut keuntungan peribadi.

Episod ini menyerlahkan kekurangan sikap serius dan komitmen Kerajaan Malaysia dan BPR untuk memerangi rasuah dan saya menyeru kerajaan supaya menjalankan satu penyiasatan untuk mendapat tahu siapakah yang bertanggungjawab mengelirukan Parlimen pada bulan April lepas dengan mengatakan bahawa kerajaan tidak tahu-menahu apa itu Transparency International ataupun indeks rasuahnya.

Saya hendak memuji kerajaan kerana mengambil sikap yang lebih serius sekarang semasa menjawab pertanyaan DAP dalam mesyuarat ini mengenai Transparency International dan indeks rasuah antarabangsa. Bagaimanapun, dari jawapan yang diberikan kepada Parlimen ini, BPR nampaknya lebih mengambil hati tentang pertukaran persepsi peniaga-peniaga dan korporat-korporat antarabangsa mengenai rasuah di Malaysia supaya pada masa depan, kedudukan Malaysia dalam senarai indeks rasuah antarabangsa Transparency International akan bertambah baik dari menjalankan tugasnya untuk mengumumkan perang sepenuhnya terhadap rasuah.

Bukannya tugas BPR untuk menukar persepsi para peniaga, sama ada dalam atau luar negeri, mengenai rasuah di Malaysia dengan mengadakan kempen publisiti yang besar-besaran. Biarkan Kementerian Penerangan yang melakukan kerja-kerja seperti ini. Tugas dan tujuan BPR adalah menghapuskan rasuah, terutama sekali rasuah yang berlaku di kedudukan tinggi kerajaan dan sekiranya BPR menunjukkan sikap bahawa ia memiliki kuasa serta keazaman untuk menahan dan menghapuskan rasuah di kedudukan tinggi kerajaan Malaysia, maka



persepsi mengenai rasuah di Malaysia sama ada yang dipegang oleh peniaga asing atau tempatan tentu akan mengalami perubahan yang radikal, tanpa perlu sebarang kempen publisiti dari BPR.

Sebagai salah satu garis ukuran tentang keseriusan dan komitmen BPR untuk menghapuskan rasuah, terutama sekali rasuah yang berlaku di tempat-tempat tinggi arena politik, maka BPR harus mengemukakan satu laporan tahunan ke Parlimen mengenai tugasnya dalam memerangi rasuah, dan laporan tahunan BPR ini harus dijadikan bahan telitian, kajian dan perbahasan di Parlimen.

Sekiranya BPR tidak bersedia untuk mengemukakan laporan tahunan sebegini dan membolehkan tugas dirinya dikaji dan dibahas oleh Parlimen, maka BPR tidak akan dapat mendakwa bahawa ia benar-benar serius memerangi rasuah ataupun menghendaki sokongan orang ramai dalam tugasnya ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Marang.**

**4.33 ptg.**

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Assalammualaikum-warahmatullahi-wabarakatuh. Wassalam-a'la-manibta'al-huda.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menyertai perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan, saya ingin menyentuh beberapa perkara untuk menjadi renungan kepada pihak kerajaan. Pertama, berhubung dengan Maksud B.10—Peguam Negara yang telah pun disentuh oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang berhubung dengan peristiwa kehakiman yang berlaku di negara kita oleh suatu pendedahan melalui surat layang yang tidak harus dianggap

kecil oleh semua pihak, khususnya pihak kerajaan. Walaupun Peguam Negara membuat kenyataan rasmi bagi pihak kerajaan yang dikatakan melalui penyiasatan oleh pihak polis, BPR dan ada pula hakim yang meletakkan jawatan, namun perkara ini masih tetap tidak menghilangkan keraguan umum terhadap sistem kehakiman di negara ini.

Perlu diketahui bahawa sifat-sifat dan perilaku mereka yang terlibat dengan badan kehakiman tidak boleh diukur hanya oleh kenyataan yang dibuat begitu rupa oleh Peguam Negara sahaja yang kita semua tahu telah pun membuat kenyataan awal dengan emosi, dengan kemarahan—kenyataan yang terlalu awal ketika mula-mula isu surat layang ini timbul. Kemarahan kepada siapa sahaja yang menyentuh, bukan sahaja pihak pembangkang, tetapi juga pihak akhbar dan termasuk pihak kerajaan sendiri yang menjadi sasaran kemarahannya. Kita tidak tahu sama ada sikapnya pada masa itu secara peribadi atau di atas jawatannya, dan apakah penyiasatan yang dilakukan yang memberi keputusan yang begitu rupa dipengaruhi oleh kenyataan sikap tersebut.

Walaupun perbincangan kita berhubung dengan wang tambahan untuk persidangan Menteri-menteri Kehakiman Komanwel hanya menganjurkan persidangan untuk menonjolkan diri, kalau perkara ini dibiarkan dengan begitu rupa tanpa suatu tindakan dan pengadilan yang tepat, negara kita menganjurkan Persidangan Kehakiman Komanwel lebih bersikap dakyah dan lebih bersikap untuk menonjolkan diri dan berpura-pura dengan sifat kehakiman dan keadilan tanpa kita menunjukkan satu cara yang baik kepada negara-negara yang lain, khususnya negara-negara Komanwel yang menghadiri persidangan tersebut. Tanpa menangani masalah kehakiman dengan cara yang baik, sehingga kehakiman

negara kita menjadi contoh kepada yang lain, apa yang disumbangkan adalah tidak ikhlas dan sangat mendukacitakan.

Negara kita perlu menunjukkan contoh mengendalikan isu kehakiman yang dapat mendedahkan sistem kehakiman benar-benar terbaik dan adil termasuk mestilah membersihkan institusi kehakiman ini daripada fitnah terhadapnya. Adakah hakim yang meletakkan jawatan itu tidak boleh dihukum kerana ia tidak bersalah, kalau bersalah sepatutnya hakim tidak bersifat immunity. Raja juga tidak immunity. Beberapa tahun yang terdekat kita telah meluluskan pindaan Perlembagaan bagi menghapuskan immunity raja-raja, adakah hakim juga perlu dihapuskan immunitynya sekiranya ia melakukan kesalahan? Kepada orang Islam, seorang hakim adalah manusia biasa, ia hanya menjadi hakim, bukan malaikat yang tidak berdosa atau Rasul yang maksum. Ia juga perlu dikemukakan kepada keadilan kalau dia benar-benar salah dalam mengarang dan menyebarkan surat layang.

Oleh kerana itu perkara ini mestilah didedahkan secara terbuka kepada masyarakat, mengapa? Bukan sahaja secara yang lebih benar mengikut proses kehakiman dan pengadilan seperti mengadakan Suruhanjaya Diraja yang benar-benar bebas bagi mengendalikan perkara ini bahkan secara mengeluarkan kertas putih yang mendedahkan kepada masyarakat juga kerajaan kita melihat di dalam hal ini nampaknya tidak bersedia atau tidak mempunyai keberanian dan ketegasan di dalam mengendalikan perkara ini dengan sebaik-baiknya.

Peguam Negara dan sesiapa sahaja tidak boleh mengawal sifat-sifat peribadi kepada tiap-tiap orang dengan tersendiri tanpa seseorang itu dapat mengawal diri sendiri daripada terjerumus ke dalam melakukan perkara-perkara yang dituduh

oleh surat layang itu. Maka ianya tidak boleh dibersihkan dengan kenyataan akhbar atau kenyataan yang disiarkan tanpa suatu tindakan yang berkesan.

Walaupun negara kita mengikut sistem kehakiman British, saya ingin menarik perhatian kepada kehakiman Islam yang diajar oleh Nabi kita Muhammad s.a.w. yang pernah menegaskan bagaimana hakim-hakim di dalam dunia ini mempunyai 3 golongan, 3 jenis—al-qodhatus-salawatun-qhadin-fil jannati-waqadianin-fin'ar—yang bermaksud hakim-hakim itu ada 3 jenis, satu jenis ke syurga dan 2 jenis ke neraka.

Jenis yang ke syurga itu ialah yang mengetahui kebenaran lalu dia menghukum dengan kebenaran yang diketahuinya. Dan 2 jenis yang ke neraka itu ialah:

- (i) yang mengetahui kebenaran lalu dia menghukum bercanggah dengan kebenaran dan keadilan; dan
- (ii) yang jahil dengan kebenaran, ia sanggup mengendalikan kehakiman, walaupun ia jahil ataupun ia tidak tahu mengendalikan sesuatu perkara yang dibawa ke mahkamah.

Maknanya, sifat-sifat hakim ini bukan bergantung kepada pentadbiran, kepada pihak yang lebih atas daripadanya tetapi juga terpulang kepada masing-masing untuk meletakkan diri mereka ke dalam salah satu daripada bahagian tersebut. Sehingga Nabi kita Muhammad s.a.w. tidak boleh memastikan tiap-tiap orang hakim berada dalam bahagian yang pertama atau bahagian yang kedua atau bahagian yang ketiga, apa lagi Peguam Negara.

Oleh itu, maka kenyataan akhbar tidak mencukupi bagi meyakinkan kepada institusi kehakiman kita. Kita tidak mahu hakim-hakim dianiaya dengan fitnah, dan

kita tidak mahu hakim yang menyebarkan surat layang itu dibebaskan begitu sahaja ataupun dizalimi dengan menyalahkan semata-mata surat layang tanpa mengkaji isi kandungan yang ditulis adakah benar ataupun salah. Kita tidak mahu juga orang yang suka menyebarkan fitnah terhadap kehakiman dibebaskan begitu sahaja. Pihak kerajaan tidak boleh bersikap mudah dan memandang ringan dalam perkara ini. Apa lagi banyak pihak telah melahirkan rasa tidak senang dan tidak puas hati dalam menangani perkara itu dengan hanya melalui kenyataan akhbar oleh Peguam Negara.

Rasa tidak puas hati ini bukan hanya momokan ataupun kesempatan oleh pihak pembangkang tanpa bertanggungjawab, tetapi telah juga diluahkan oleh Majlis Peguam, pihak akhbar-akhbar yang berpengaruh yang tersebar dengan meluas dan lain-lain di kalangan individu yang dibaca dan diketahui di seluruh negara. Oleh kerana itu, maka pihak kerajaan wajiblah bertindak secara yang benar-benar menepati keadilan kepada hak individu, termasuk hakim yang dituduh dengan pengadilan atau sesiapa sahaja yang difitnah juga mestilah dengan pengadilan. Meletak jawatan atau menyuruh meletak jawatan bukan caranya untuk mengatasi masalah ini.

Seterusnya saya ingin menyentuh Kementerian Penerangan B.44. Sehingga hari ini kita melihat Kementerian Penerangan tidak membuat perubahan ke arah membendung program yang sangat negatif melalui media elektronik dengan cara yang berkesan. Dan kita dapati walaupun ada penapisan dilakukan, tetapi penapisan itu terbolos. Masih kelihatan filem-filem, drama-drama dan lain-lain lagi yang bukan bersifat pendidikan, yang memberi akhlak yang negatif kepada penonton, tetapi masih menunjukkan adegan-adegan yang mendidik kepada perkara-perkara negatif yang membawa kepada keruntuhan akhlak, sehingga

masalah moral, masalah keruntuhan akhlak bukan sahaja oleh aspek pendidikan di sekolah-sekolah, tetapi oleh kerana dasar penyiaran yang tidak betul yang dikendalikan oleh Kementerian Penerangan.

Walaupun ada disiarkan program Islam, kita mendapati ianya adalah terhad, dan dari segi peratusannya adalah terlalu kecil kalau dibandingkan dengan program-program hiburan. Dan program Islam itu juga ditapis, bukan kerana kepentingan Islam, tetapi kepentingan politik, kepentingan kedudukan orang-orang yang tertentu. Kita melihat ada mereka yang dapat menceburkan diri melalui program yang dianjurkan oleh TV Malaysia telah digam, oleh kerana mengeluarkan kritikan-kritikan yang dirasakan boleh menyentuh orang-orang yang tertentu. Ini adalah satu cara yang tidak baik dan mestilah dibetulkan oleh pihak Kementerian Penerangan.

Saya rasa itulah beberapa perkara yang dapat saya sebutkan dalam perbahasan ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Parit Sulong.

4.44 ptg.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan yang telah pun dibentangkan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan di Dewan yang mulia ini semalam. Saya yakin anggaran perbelanjaan mengurus tambahan dan juga perbelanjaan pembangunan tambahan yang akan kita luluskan kelak akan membawa kesejahteraan kepada negara dan bangsa Malaysia seluruhnya.

Dalam konteks kesejahteraan negara dan bangsa Malaysia pula, izinkan saya bagi pihak seluruh Ahli Kelab Penyokong-penyokong Kerajaan di Dewan yang mulia ini dan seluruh rakyat jelata yang kami wakili, di segenap pelusuk negara merakamkan ucapan syabas dan sanjungan hormat kami kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang hari ini genap 15 tahun menyandang jawatan tersebut. (*Tepuk*) Kepada kami, 15 tahun adalah satu tempoh yang agak panjang. Tetapi dalam konteks kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, 15 tahun adalah satu tempoh waktu yang amat singkat. Kami rasakan singkat kerana seolah-olah baru semalam beliau memimpin kita. Ini kerana kepimpinan beliau sentiasa segar, penuh dinamika positif dan sentiasa memangkinkan kemajuan serta kecemerlangan.

Tuan Yang di-Pertua, pada 16hb Julai, 1981 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengangkat sumpah jawatan Perdana Menteri Malaysia keempat. Rakyat pada ketika itu memberi reaksi yang berbeza-beza terhadap perlantikannya. Orang Melayu mengalu-alukannya kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah tokoh nasionalis terkenal. Setengah bukan Melayu pula bimbang kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah menonjolkan imej voltra ataupun imej ekstrimis. Hari ini, apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri genap 15 tahun memimpin negara, tidak lagi kedengaran lebel nasionalis ataupun lebel ekstrimis ataupun lebel ultra yang dikaitkan dengan nama beliau. Sebaliknya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri diiktiraf sebagai tokoh bangsa Malaysia terbilang. Kepimpinannya sentiasa dikagumi, kehadirannya sentiasa dirindui oleh semua golongan rakyat tanpa batasan keturunan dan agama. Dunia luar turut mengagumi kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Seorang bekas diplomat dalam bukunya "Asia Pasific and its Roll in the New World Disorder", contohnya mengatakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah negarawan bertaraf dunia, berwawasan besar serta disegani. Beliau sedang memahatkan nama Malaysia ke peta diplomatik dunia. Bill Clinton selaku Presiden Amerika Syarikat juga mengagumi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Selepas satu pertemuan empat mata dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Rumah Putih di Washington pada 7hb Mei, 1994, Clinton memberitahu akhbar beliau mengagumi kepimpinan Perdana Menteri Malaysia. Presiden Bank Islam, Dr. Usamah Al-Fakih menyatakan di Kuala Lumpur pada 2hb Ogos 1994, Malaysia pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang adalah sebuah negara Islam berdaya maju yang telah berjaya menonjolkan imej Islam yang tinggi di mata komuniti dunia.

Dalam pada itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sentiasa diserang, ditohmah dan kadang-kadang cuba dipersenda-sendakan oleh segolongan media Barat. Macam-macam kepalsuan diperkatakan tentangnya. Berbagai tulisan negatif dilontarkan kepada beliau dan Malaysia. Kempen buruk ini dilaksanakan bukan kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah seorang pemimpin yang lemah ataupun zalim. Sebaliknya dijalankan kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah negarawan yang berani mengkritik kepura-puraan Barat dan lantang pula memperkatakan amalan serta prinsip pincang oleh pihak negara maju. Publisiti negatif ini juga dilakukan atas himpunan rasa cemburu.

Malaysia di zaman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang adalah sebuah negara yang membangun pesat di semua bidang. Malaysia di bawah kepimpinan beliau adalah sebuah negara

yang aktif menempuh kecemerlangan ke abad-21. Bagaimanapun, majalah *Asia Week* 2hb Jun 1995 mengatakan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang adalah tokoh yang konsisten mempertahankan nilai-nilai Asia serta mengkritik kepuraan-puraan Barat. Beliau juga mengkategorikan Perdana Menteri Malaysia sebagai jurucakap negara-negara membangun. Majalah tersebut juga mengatakan, dengan izin, "Dr. Mahathir bukannya pemimpin yang mengasaskan Malaysia. Tetapi sejarah pasti akan mengiktiraf beliau sebagai pemimpin yang benar-benar membangunkannya."

*Asiaweek*, 5hb Julai 1996 pula mengelaskan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia hari ini sebagai tokoh keempat dari 50 tokoh lain yang amat berpengaruh di Asia. Hakikat ini amat membanggakan semua pihak. Contohnya, seorang rakyat Malaysia K. Ravindran dari Melaka menulis surat kepada *Asiaweek* 12hb Julai 1996 dan mengatakan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah pemimpin yang senang didampingi. Katanya lagi, Malaysia kini menjadi gate way ke wilayah Asean dan juga Asia Timur.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah sebahagian kisah kejayaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selama 15 tahun memimpin Malaysia. Di pelantar jagat, beliau dikenali sebagai tokoh yang sentiasa menitikberatkan keadilan dan kemanusiaan. Nama beliau harum di Afrika Selatan, di Bosnia-Herzegovina, Amerika Selatan, terkenal di Republik Rakyat China, di kalangan negara-negara CIS, di Eropah Timur, di Wilayah Pasifik, di mana-mana sahaja. Pendeknya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dikenali oleh ramai pihak. Contohnya, pemandu teksi di Kota Raya London mengenalinya. Majoriti warga korporat di Jepun mengkaguminya. Ruang debat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu saban tahun

menggemakan suaranya yang kritikal dan lantang. Kepada Pertubuhan Negara-negara Berkecuali, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah sumber rujukan yang bermartabat. Kepada Pertubuhan Negara-negara Islam beliau adalah tokoh amat disegani. Kepada Pertubuhan Komanwel, beliau adalah tokoh terkemuka.

Di dalam negeri, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah sinonim atau sinonim, dengan pertumbuhan industri berat dan kereta nasional. Beliau seiring dengan kejayaan polisi penswastaan, selari juga dengan strategi mengejar kecemerlangan di hari muka menerusi Wawasan 2020.

Di bidang teknologi maklumat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sinonim dengan kewujudan multimedia super corridor. Beliau dihormati Bill Gates, tokoh perisian komputer dunia yang terbilang. Beliau juga dikagumi oleh tokoh pengurusan moden, Kenichi Omaie.

Kepada UMNO, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dikaitkan dengan penyatuan serta pengukuhan parti. Beliau berjaya membanteras gelombang politik yang menggugat kelangsungan parti dan bangsa Melayu. Parti serpihan UMNO yang mengancam kepimpinan beliau sejak 1987 kini mengorak langkah pulang ke dalam UMNO.

Idea Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sentiasa relevan, segar dan serasi dengan gerakan pembaharuan nasional. Buku yang beliau baca tidak terbilang jumlahnya. Sumber rujukan yang beliau analisis tidak terhitung banyaknya. Semua menjurus ke arah kewujudan nilai hidup yang progresif dan abadi. Seluruhnya memfokus ke arah kesejahteraan dunia dan akhirat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mencipta kejayaan di atas kerana beliau adalah seorang tokoh berdisiplin tinggi, juga

kerana beliau seorang yang amat berdedikasi kepada agama, bangsa dan tanah airnya. Pengabdian perjuangannya ikhlas dan total. Keprihatinannya terhadap pembaharuan dan kemajuan amat menyeluruh.

Kini 15 tahun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memimpin kita. Kepada beliau perjuangannya belum selesai. Lantaran itu, kami ahli Kelab Penyokong-penyokong Kerajaan dan juga seluruh rakyat jelata yang kami wakili mengucapkan selamat maju jaya dan terus berjuang kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kami kasihi.

Kami ucapkan selamat berjuang, selamat maju jaya. Mudah-mudahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan sentiasa berada di dalam perlindungan Allah. Moga-moga Malaysia dan warganegaranya aman damai, makmur dan sejahtera di abad mendatang.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam konteks perdebatan Perbekalan Tambahan ini, izinkan saya mendapatkan penjelasan dari Kementerian Kewangan mengenai isu insentif khas dan beberapa lagi faedah lain yang kini dinikmati oleh kalangan pegawai tinggi kerajaan seperti yang dibangkitkan oleh CUEPACS Sabtu lalu.

Menurut laporan akhbar Ahad lalu, kategori tertinggi kakitangan awam sekarang ini menerima lonjakan besar kepada insentif dan lain-lain faedah kewangan masing-masing. Contohnya, CUEPACS mendakwa bahawa terdapat kenaikan antara 50% hingga 100% kepada elaun keraian dan perumahan untuk pegawai berkenaan. Soalnya di sini, Tuan Yang di-Pertua, adakah ini benar? Benarkah bahawa pegawai kerajaan Gred B dan Gred C kini menikmati elaun pembantu rumah? Benarkah pegawai kategori ini sekarang menerima elaun pembantu rumah sebanyak RM500 sementara elaun yang sama bagi pegawai

turus 3, 2 dan 1 kini sejumlah RM1,000 dan bagi Ketua Setiausaha Negara adalah RM2,000? Benarkah bayaran menyelenggara rumah juga kini diberikan kepada semua pegawai pengurusan tertinggi pada kadar RM2,000 atau RM4,000 setahun? Benarkah juga bahawa menurut semakan terbaru, seorang pegawai jawatan utama C kini menerima gaji kasar RM10,500 sebulan?

Lebih serius lagi, Tuan Yang di-Pertua, adakah kenaikan ini dan semakan semula insentif serta elaun seperti yang didakwa oleh CUEPACS ini mendapat kelulusan Kabinet? Jika telah mendapat kelulusan, kenapa pula Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan pada hari Ahad lalu meminta Jabatan Perkhidmatan Awam memberikan penjelasan terperinci mengenai perkara ini? Kenapakah Timbalan Perdana Menteri dilaporkan oleh akhbar sebagai berkata:-

"Elok JPA mengeluarkan kenyataan bagi memberi penjelasan sebelum pihak Kabinet memberi reaksi." Mengapakah perkara ini terjadi, Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ada yang bangun Yang Berhormat.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dia "short" sedikit. Terima kasih Yang Berhormat dari Parit Sulong kerana mengutarakan kenaikan elaun-elaun pegawai-pegawai kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, memanglah akhir-akhir ini CUEPACS pun telah membela nasib pegawai-pegawai kerajaan, naik gaji dan sebagainya. Yang saya bimbangkan Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan juga memikirkan apakah nasib orang-orang kampung yang bekerja cara kampung tetapi tidak mendapat kenaikan hasil pendapatan mereka? Contohnya petani tidak dapat menambahkan hasil

pendapatan. Nelayan, sungguhpun harga ikan naik tetapi nelayan masih lagi cara hidup nelayan dan adakah kerajaan juga akan mempertimbangkan supaya kenaikan harga barang hari ini akan menjejaskan nasib hidup masyarakat desa dan kampung? Itu yang pertama, Tuan Yang di-Pertua.

Yang keduanya, pegawai kerajaan sudah naik, yang superscale pun naik. Adakah kerajaan pada pandangan Yang Berhormat akan juga mempertimbangkan kes wakil-wakil rakyat? (*Ketawa*) Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Dewan Negeri. Kadang-kadang Ahli Parlimen pun ada yang marhain, Tuan Yang di-Pertua. Maklumlah elaun, mana nak cukup, dengan anak hendak pergi sekolah, duit tidak ada. Setiausaha Parlimen pun bersuara, suruh saya bersuara. (*Ketawa*) Bila universiti hendak buka pun, cari wakil rakyat. Bila kenduri, Tuan Yang di-Pertua, wakil rakyat beri RM10 mereka tidak mahu terima. Kita kena bubuh RM20. Kalau musim kenduri, Tuan Yang di-Pertua, sampai sepuluh buah rumah, kalau RM20 - RM200. Jadi, kita ini hendak teriak kat siapa? Jadi, kalau Menteri ada, Timbalan Menteri ada, tolong-tolonglah sama. Hendak teriak pun malu, sudah tua tetapi tanggungannya berat. Jadi, macam mana pandangan Yang Berhormat dari Parit Sulong?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya merasa serba salah. Kalau saya tidak jawab, saya Pengerusi Kelab Penyokong-penyokong Kerajaan. Kalau saya jawab, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada di depan. Saya tidak menentang kalau kakitangan kerajaan peringkat tinggi naik gaji, diberi insentif, elaun dan sebagainya. Cuma yang saya persoalkan benarkah perkara ini mendapat keputusan Kabinet atau sebaliknya?.

Dari segi pihak Ahli Parlimen, saya tidak tahu hendak cakap. Cuma saya tahu sekarang ini loan kereta Ahli Parlimen

RM24,000— hendak beli kereta Perodua Kancil pun tidak boleh. Itulah hakikatnya. Entertainment elaun pun hanya RM350. Saya tidak tahulah, saya duduk di Parit Sulong, mana saya ada spend dan hendak beli rumah pun RM72,000—semi low cost atau macam mana? Itulah kedudukannya.

Jadi, ini kita serahkan kepada pihak kerajaan dengan kebijaksanaannya. Cuma yang saya harapkan dan saya hairan mengapakah timbul suara dari CUEPACS dan mengapakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri minta JPA mengeluarkan kenyataan terperinci bagi memberi penjelasan. Jika apa yang didakwa oleh CUEPACS ini benar, Tuan Yang di-Pertua, bahawa ada kenaikan-kenaikan yang tinggi, tidakkah hakikat ini seolah-olah menempelak kerajaan kalau kerajaan tidak tahu?

Sabtu lalu, Timbalan Perdana Menteri mengatakan bahawa ekonomi negara kini mula merasakan bahang ekoran kenaikan upah yang tidak seimbang dengan pertumbuhan produktiviti. Kata Timbalan Perdana Menteri, bagi tempoh empat bulan pertama tahun ini, contohnya, kadar upah di sektor perkilangan meningkat 11.7% sedangkan produktiviti pada tempoh yang sama hanya meningkat 6.1% sahaja. Memang Timbalan Perdana Menteri sebagaimana yang beliau jelaskan hanya membuat rujukan (reference) kepada kadar upah dan produktiviti di dalam sektor perkilangan dalam konteks yang disebutkan.

Tetapi dalam soal hari ini, saya juga ingin bertanya bagaimanakah kadar produktiviti di sektor awam sekarang ini? Apakah peratusan peningkatannya sekarang jika dibandingkan dengan kenaikan gaji di sektor awam? Sebagaimana yang saya katakan, saya mengemukakan persoalan ini bukan kerana saya tidak menyenangi sektor awam, saya amat menyanjung tinggi pengorbanan, komitmen dan dedikasi sektor awam

terhadap perjuangan mensejahterakan negara seluruhnya. Tetapi, adalah kurang wajar sekiranya kenaikan kadar elaun dan faedah-faedah kewangan lain sebagaimana yang didakwa oleh CUEPACS itu benar dan tanpa dirujukkan dan mendapat restu Kabinet, perkara ini adalah tidak wajar.

Saya harap pihak kerajaan akan menjelaskan hal ini untuk mengelakkan kekeliruan sepertimana yang telah pun ditimbang oleh pihak CUEPACS. Hakikat ini jadi lebih tidak wajar apabila sekarang ini kerajaan sedang melaksanakan kempen inflasi sifar. Oleh itu, saya ingin tahu jika kenaikan yang dihebohkan oleh CUEPACS itu benar, apakah implikasinya kepada kadar inflasi negara ini kelak dan berapa pula banyak implikasi kewangan kerajaan berikutan kenaikan elaun-elaun tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kepong ya, selepas ini kementerian akan menjawab.

5.00 ptg.

**Dr. Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak banyak hendak membangkitkan hari ini, cuma beberapa perkara sahaja yang perlu dibangkitkan.

Yang pertama, mengenai masalah syarikat yang hendak menyelamatkan Perwaja. Walaupun ada banyak perbincangan terhadap Perwaja di dalam Dewan yang mulia ini, tetapi pada akhir-akhir ini saya membaca daripada akhbar sahaja bahawa ada syarikat-syarikat yang hendak menyelamatkan Perwaja, kononnya ada Maju, Renong pun ada disebutkan dan juga syarikat daripada pihak Yang Berhormat dari Batu pun ada. Akhirnya Majulah yang mendapat peluang untuk memajukan di dalam Perwaja.

Beberapa perkara yang timbul, yang pertamanya, mengapa Maju dipilih? Siapakah yang sebenarnya bertanggungjawab atas Maju, Pengurus Besarnya siapakah? Adakah Pengurus Besar ini ada kait-mengait dengan Tan Sri Eric Chia. Ini sangat penting, kerana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pun tidak pernah menyebutkan mengapa kita pilih Maju dan perlulah kita umumkan di dalam Dewan yang mulia ini, iaitu orang yang bertanggungjawab untuk Maju dan seterusnya strategi untuk menyelamatkannya.

Memandangkan wang daripada KWSP pun digunakan, kalau tidak silap saya RM6,000 juta, walaupun dijamin oleh pihak kerajaan—saya tahu dijamin....

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar):** RM600 juta!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Berapa ratus?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** RM600 juta.

**Dr. Tan Seng Giaw:** RM600 juta. Ini dijamin oleh pihak kerajaan. RM600 juta bukan kecil amaunnya? Walaupun bukan RM6,000 juta—RM600 juta—besar jumlahnya. Wang digunakan untuk 'mendokong', 'menopeng'—untuk 'menopeng'.

**Seorang Ahli:** Tidak faham apa itu 'menopeng'!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Itu istilah yang baik 'menopeng' Perwaja, kerana dia senget macam itu, kita mesti topeng sedikit. RM600 juta untuk menopeng Perwaja sebab itulah kita beritahu, wang rakyat dilibatkan. Walaupun ada jaminan daripada Kementerian Kewangan, tetapi kita hendak tahu siapa yang bertanggungjawab dan cara-cara untuk menyelamatkan.



Tuan Yang di-Pertua, saya nampak setakat ini, walaupun ada pengumuman baik juga daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengenai salah urusan di dalam Perwaja, tetapi ini tidak mencukupi.

Saya nampak besar kemungkinan Yang Amat Berhormat pun dia tidak tahu macam mana kita boleh membongkarkan rahsia seperti ini tanpa melibatkan orang-orang yang tertentu—itu adalah masalah yang rumit dan sama ada Tan Sri Eric Chia salah ataupun tidak kita pun tidak tahu. Cuma apa yang kita tahu pengurusan tidak baik. Saya sebutkan hal ini kerana saya sangat bimbang sekiranya Maju tidak maju—itu yang menjadi kebimbangan, bimbang kerana kalau ada kesilapan atau kesalahan di dalam Syarikat Perwaja, mungkin kalau Pengurus Besar Maju ada berkaitan dengan Tan Sri Eric Chia beliau akan menutup semua, menyembunyi semua yang tidak betul. Yang Berhormat—Yang Berhormat di sebelah situ (*Ahli-ahli Barisan Nasional*) pun hendak tahu, cuma mungkin tidak sempat untuk membangkitkan hal seperti ini, yang terpenting ini. Ini saya hendak tolong mereka jugalah, sebab di dalam Pre Council pun tidak disebutkan, saya diberitahu...

**Seorang Ahli:** Ada!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Macam mana ada di Pre Council? Sebutkan sama ada Pengurus Besar Maju itu ada kaitan dengan Tan Sri Eric Chia?

**Seorang Ahli:** Tidak ada sebut.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang tidak ada - memang tidak ada. Saya berharaplah Yang Amat Berhormat dapat menyiasat dengan lebih teliti siapakah para pengurus di dalam Maju, sama ada satu kaedah diadakan supaya mereka tidak boleh menyembunyikan segala kesilapan ataupun kesalahan yang berlaku di dalam Perwaja. Ini sangat pentinglah.

Seterusnya saya akan membangkitkan satu perkara lagi dan saya berharap Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri boleh mempertimbangkan.

Saya diberitahu bahawa Lembaga Hasil Dalam Negeri ada motif, setiap tahun mendapat hampir RM32 bilion dan ini bermakna hasil yang didapati oleh negara ini lebih daripada RM40 bilion tiap-tiap tahun. Jadi, bolehkah hasil ini digunakan untuk projek-projek khas seperti jalan raya di dalam bandar bukan di luar bandar? Misalnya seperti ibu kota kita, Kuala Lumpur.

Pada minggu yang lepas Yang Berhormat Menteri Kerja Raya (ahli dari Sungai Siput) ada mengumumkan satu pakej, satu projek untuk memperlebar, memperelokkan jalan raya di ibu kota termasuk membina jalan bawah tanah yang ada kena-mengena dengan kutipan tol di Jalan Kuching. Tol di Jalan Kuching memang menyakitkan hati saya.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali dalam tempoh 9 tahun ini, saya dan beratus ribu orang tiap-tiap hari membayar tol di Jalan Kuching, walaupun 50 sen, tetapi bagi lori RM1, tidak lama lagi tol itu hendak habis. Tetapi 3-4 tahun kemudian akan dinaikkan 100% kereta RM1 dan bagi lori serta kenderaan berat mungkin RM2 tiap-tiap kali kita melalui Jalan Kuching. Ini dikaitkan dengan pembinaan jalan bawah tanah di Damansara Heights—itu jauh daripada Jalan Kuching—sangat jauh dari Jalan Kuching dan di Jalan Tunku Abdul Rahman, di Jalan Sultan Ismail, Jalan Ipoh, Segambut—Segambut memang dekat, hendak binakan persimpangan bertingkat di Jalan Kuching untuk pergi ke Segambut, Jalan Ipoh dan sebagainya.

Saya tidak kata ini tidak baik, semua itu elok belaka tetapi kenapa kita mesti kaitkan dengan Jalan Kuching pula, ini Jalan Damansara Heights punya fasal,

kaitkan dengan Jalan Kuching ini bermakna berhubung kait dengan kawasan Kepong itu masalah bukan itu sahaja saya bangkitkan untuk penduduk-penduduk di kawasan Kepong. Ini daripada Ipoh pun daripada Bukit Mertajam pun kalau hendak masuk ke Ibu Kota kita mesti melalui Jalan Kuching. Daripada Permatang Pauh pun kalau hendak masuk ke sini dengan motokar mesti melalui Jalan Kuching juga. Ini bermakna pihak kabinet tidak mempertimbangkan dengan baik, projek besar ini diberi kepada satu syarikat Prestij, itu setakat itulah kita tahu Prestij. Prestij macam manapun saya tidak tahu kerana pemegang konsesinya Kamunting Berhad, sama ada Kamunting dan Prestij itu sama saja saya tak tahu, cuma yang saya tahunya mereka diberi konsesi 33 tahun, ini bermakna pengguna Jalan Kuching mungkin mesti membayar 37 tahun, kutipan tol di Jalan Kuching—37 tahun. Padang Terap pun kalau menggunakan motokar mesti bayar 37 tahun dan ini satu tempuh yang sangat panjang.

Kita mesti mempertimbangkan sama ada kita boleh menggunakan hasil 32 bilion ringgit ataupun lebih 4 bilion ringgit setiap tahun gunakan sebahagian untuk membina jalan-jalan seperti ini, untuk projek yang saya sebutkan sengaja dikaitkan dengan Jalan Kuching dan ini satu perkara yang sering kami bangkitkan di sini tetapi tidak berjaya untuk mempengaruhi kabinet untuk membatalkan kutipan tol-tol di Jalan Kuching dan digantikan dengan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan untuk maksud tersebut inilah cadangan saya supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menjawab ataupun Setiausaha Parlimen dapat memberi maklumat ini kepada para menteri supaya apabila mereka membuat keputusan mereka akan buat keputusan dengan baik.

Setakat ini saya nampaknya walaupun menteri-menteri termasuk daripada MCA daripada GERAKAN membuat keputusan di dalam Kabinet supaya pelanjutan

kutipan tol di Jalan Kuching sampai 37 tahun dibuat, sudah dibuat oleh menteri. Tapi itu Ahli-ahli MCA dan Ahli-ahli GERAKAN ada pergi ke kawasan-kawasan dia hendak tubuhkan jawatankuasa untuk membantah pelanjutan ini, saya hairan juga menteri GERAKAN, MCA dan UMNO buat keputusan dalam Kabinet tapi orang-orang bawahan, ketua-ketua bahagian tubuhkan jawatankuasa untuk menentang keputusan kabinet untuk menentang keputusan menteri-menteri. Saya pun hairan juga mengapa hal seperti ini berlaku, mungkin kalau kita melantikkan Yang Berhormat Timbalan Menteri Padang Terap untuk memberi maklumat, tunjuk ajar kepada para pemimpin parti-parti komponen ini supaya mengambil tahu, supaya mereka mengerti apa cara yang betul. Tuan Yang di-Pertua inilah satu perkara yang penting bagi pihak.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Padang Terap, bangun Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Dia tidak terlibat pun dia hendak mewakili pihak mereka.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr. Affidudin bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, saya selalu mengikut hujah Yang Berhormat Kepong, saya selalu kebingungan. Tadi dia marah kita menggunakan Prestij untuk memberi konsesi kepada Prestij, tadi dia marah pula ahli-ahli GERAKAN dan MCA kerana menentang, jadi adakah Yang Berhormat menentang atau Yang Berhormat bersetuju dengan konsesi yang diberi ini, jadi sebab Yang Berhormat mengatakan tadi mereka menentang itu salah maksudnya Yang Berhormat minta mereka bersetuju untuk diberi konsesi kepada syarikat prestij.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak tahulah sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri diberi mandat oleh MCA atau GERAKAN tapi nampaknya dengan

kebingungan dan kekeliruan Yang Berhormat Timbalan Menteri saya berharap dia dapat dengan baik memberi nasihat kepada pihak MCA di bahagian-bahagian dan pihak GERAKAN di bahagian-bahagian supaya memujuk menggalakkan memberi nasihat kepada menteri-menteri berkenaan dan bila mereka masuk ke Kabinet membuat keputusan yang lebih baik. Itu cara yang lebih baik, tapi kita tidak tahu siapa pembangkang, siapa di pihak kerajaan di sini. Di dalam kerajaan pun dia menjadi pembangkang juga. Jadi ini satu kontradiksi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen bangun.

**Tuan Chor Chee Heung:** Saya nak minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Kepong, tadi Kepong dengan sendirinya telah mengaku bahawa dalam Barisan Nasional pun, bukan boss kata ya, semua ya, ini adalah bukti bahawa ahli-ahli biasa mempunyai menteri MCA sendiri dalam Kabinet tetapi bukannya begitu sihatnya dalam parti MCA atau GERAKAN mereka (ahli-ahli biasa) dapat menubuh jawatankuasa supaya rayuan dibuat kepada kabinet untuk mencapai suatu keputusan yang lebih adil kepada rakyat. Bukankah ini satu perkara yang sihat dan perlu diikuti oleh DAP?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, ini satu peluang dah, Padang Terap pun tinggal dah jadi dia mesti membela diri sekarang, tidak ada peguam dia tidak ada sekarang. Tuan Yang di-Pertua, keputusan diambil tentang berapa kalikah lanjutan kutipan tol di Jalan Kuching, bukan saya hendak lanjutkan keputusan dibuat untuk memberi konsesi kepada Prestij yang besar kemungkinan sama dengan Kamunting juga untuk melanjutkan kutipan tol 37 tahun. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen itu memberitahu menterinya mengenai hal ini. Adakah pernah

memberitahu ataupun kita buat kenyataan, kita buat jawatankuasa, buat kempen tandatangan untuk menonjolkan kepada orang ramai bahawa inilah buat kerja. Kita sudah buat kerja dah, tapi kerja ini tidak sampai kepada menteri, ini masalah. Kerana, saya nampaknya UMNO tak buat macam ini! Dia ada masalah, dia pergi kepada menteri dia: "Ha, ini tak boleh! Saya tidak bersetuju, bolehkah Yang Berhormat tukarkan keputusan?"

(Tuan Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

Itu cara mereka, tetapi cara MCA dan Gerakan itu tak serupa yang saya nampaknya. Sudah tidak ada!

**Tuan Chor Chee Heung:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan lagi. Adakah Ahli Yang Berhormat dari Kepong sedar iaitu dalam parti masing-masing juga mempunyai *modus operandi* untuk menjalankan kerja atau dalam mencapai suatu keputusan. Sama ada soal mengenai perkara ini sampai ke peringkat pucuk pimpinan MCA itu soal lain. Mana Yang Berhormat tahu kata ini tidak sampai ke peringkat menteri sendiri. Walau bagaimana pun perkara ini dikawal oleh kementerian lain. Maka apa salahnya jawatankuasa ditubuh supaya pendapat pihak-pihak tertentu dapat disampaikan kepada kementerian lain? Memang berbeza-beza style yang dijalankan di dalam parti-parti, macam DAP nampaknya kebanyakan apakah yang boss kata, semua ikut sahajalah, tak ada apa bantahan pun. Tetapi dalam parti MCA sekurang-kurangnya kita dapat memberi peluang kepada orang bawahan seperti ahli-ahli untuk memberi pendapat mereka. Setuju atau tidak?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, baik jugalah ada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen untuk membela diri, itu baik, satu amalan yang baik. Walau bagaimanapun, *modus operandi* itu nampaknya tak begitu berkesan kerana kalaulah yang disebutkan itu betul, cadangan diberi kepada menteri-menteri yang berkenaan tetapi di dalam Mesyuarat Kabinet adakah menteri-menteri membangkitkan pendapat-pendapat yang disampaikan, kalau disampaikan, saya pun tak tahu sama ada disampaikan, cuma saya hendak memberi nasihat kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen supaya benar-benar melaksanakan apa yang disebutkan oleh beliau sebagai demokrasi. Sebab di dalam Mesyuarat DAP pun saya banyak kali pun tidak bersetuju dengan Setiausaha Agung, kalau tidak bersetuju saya kata tidak bersetuju.

**Beberapa Ahli Barisan Nasional:**  
(*Menyampuk*)

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ha! Tanya dia di sini! (*Ketawa*) Dia ada di sini, apa masalah? Memang betul! (*Ketawa*) Tanya dia sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, saya tahu, banyak masalah lagi hendak saya bangkitkan kerana masa yang suntuk, Tuan Yang di-Pertua, saya akhirkkan ucapan saya. Sekian, terima kasih.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:**  
(*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan. Minta Yang Berhormat berucap jangan panjang, dalam sepuluh minit, ya. Selepas itu diminta menteri menjawab kerana kita ada satu hari sahaja untuk perkara ini.

5.24 ptg.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili (Bandau):** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan atas perkara di atas meja iaitu mengenai dengan Perbekalan Tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan masa yang singkat yang diberi kepada saya, saya sekadar membawa kepada Dewan yang mulia ini beberapa perkara yang saya percaya amat penting demi kestabilan ekonomi negara dan politik keseluruhannya dan ini ada kaitan pada pertamanya, kepada perkara kestabilan ekonomi dan politik di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, pada saat-saat ini, semenjak Barisan Nasional memerintah negeri ini dua tahun setengah, memang banyak perubahan yang timbul tetapi pada keseluruhannya perubahan yang terjadi adalah perubahan yang bukan sahaja mengelirukan tetapi perubahan yang amat jauh daripada apa yang dijanjikan oleh kerajaan dalam manifesto Sabah Baru yang dilaung-laung dua tahun setengah yang lalu itu dan untuk kebaikan semua, untuk kebaikan Kerajaan Persekutuan khususnya, saya ingin menyentuh beberapa perkara yang saya percaya, pihak kita percaya haruslah diambil tindakan demi untuk membolehkan rancangan-rancangan pembangunan yang telah pun dijanjikan pada masa-masa yang lampau.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum dekat sebulan lebih ada ketua menteri yang baru di negeri Sabah, sesuai dengan janji yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan Persekutuan khususnya Perdana Menteri untuk melaksanakan giliran jawatan ketua menteri. Maka apa yang terjadi pada saat ini kita mempunyai keadaan di mana dalam masa dua tahun lebih kita mempunyai tiga ketua menteri di negeri Sabah dan akibatnya sepertimana yang telah kita sentuh adalah tidak baik, Tuan Yang di-Pertua, dalam segi perubahan dasar, pembangunan pun mulai sudah kelihatan juga.

Selain daripada itu, dari segi emphasis tekanan program pembangunan, dari segi style pentadbiran, dari segi kekacauan kecil di peringkat pentadbiran awam pun mulai kelihatan. Apa yang terjadi keseluruhannya, dengan izin, confidence level, pihak rakyat dan pelabur kepada pentadbiran.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada yang bangun Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Okay.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Tadi Yang Berhormat ada mengatakan bahawa bila Kerajaan Barisan Nasional tetap melaksanakan janji kita supaya digilirkan penggantian ketua menteri supaya masyarakat Tionghua juga merasa menjadi ketua menteri, nampaknya Yang Berhormat daripada masyarakat ini tidak bersetuju dengan ini. Saya hendak minta penjelasan sedikit, macam gaya Ahli Yang Berhormat cuba memutarbelitkan keadaan. Saya hendak minta penjelasan sedikit.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa penjelasan mengenai perkara ini telah kita huraikan banyak kali, bukan kita tidak bersetuju dengan suku kaum lain memegang pucuk pimpinan negeri, kita sekadar ialah patuh kepada keperluan Perlembagaan dan kita patuh kepada apa yang praktik untuk kebaikan keseluruhan. Saya belum siap lagi, saya sekadar akan huraikan kenapa sistem ini tidak baik, kenapa masalah-masalah timbul hasil daripada tidak ada kebaikan dari segi sistem ini.

Kalaulah sistem pentadbiran negeri kita gunakan sekadar untuk memenuhi penyelesaian politik, maka itulah perkara-

perkara yang akan saya huraikan akan timbul nanti. Satu, ialah penerusan dasar-dasar pembangunan kerana setiap ketua menteri masanya singkat juga, dua tahun dia ingin mahu tidak sekadar untuk ikut jejak pemimpin ataupun ketua menteri yang lalu, dia ingin ada style tersendiri dan apa yang terjadi, saya percaya Ahli Yang Berhormat dari Rompin sedia maklum pernah bertugas sebagai pegawai kerajaan bahawa dalam keadaan di mana boss ataupun pemandu itu berubah dan style dan emphasis, dengan izin, berubah dari segi pentadbiran bahawa pegawai kerajaan banyak yang terganggu, banyak yang tidak tahu apa hendak dibuat kerana sekadar pegang project paper, briefing demi briefing kerana perubahan dari segi emphasis, dari segi projek dan keseluruhannya pembangunan. Tuan Yang di-Pertua, misalnya ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat berucap di bawah tajuk apa itu? Kerana di sini ialah Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan seterusnya menyentuh nanti ke sana kerana dari segi peruntukan ini pasti pun peruntukan-peruntukan Perbekalan Tambahan ini disalurkan kepada pihak ke negeri Sabah mahupun Kementerian Kesihatan, Kementerian Pembangunan Usahawan dan seterusnya. Tetapi apa yang saya ingin sentuh ialah dari segi pelaksanaan projek-projek ini nanti masalah yang berada di peringkat negeri itu menjadi penghalang kepada pelaksanaan program-program yang disentuh dalam Perbekalan Tambahan itu. Maka sekadar saya ingin mengatakan bahawa memandangkan masalah-masalah yang dari peringkat negeri seterusnya akan menghambat pelaksanaan projek-projek pembangunan yang dibincang di atas peruntukan yang dibincang di atas meja Mesyuarat, maka perlulah pihak Kerajaan Persekutuan untuk mengawasi kerana banyak amalan yang

tidak baik, Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada reshuffle pegawai-pegawai dan dengan itu tidak ada berterusan dari segi perkara penerusan dasar, kita melihat juga dalam perkara ini penarikan kepada pelabur-pelabur di peringkat negeri pada saat ini amat mengganggu kerana apa yang dikatakan dalam keadaan di mana pentadbiran negeri tidak stable, maka soal untuk menarik pelabur-pelabur mahupun pelaburan dalam pembangunan yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita mintalah supaya pihak kerajaan Persekutuan mengawasi perkembangan di peringkat negeri termasuklah dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan yang dibiayai oleh kerajaan dan juga mengawal, dengan izin, abuse a power, yang kemungkinan terjadi dan tidak sahaja kemungkinan, malah banyak laporan-laporan telah pun diterima dalam perkara ini, seperti pemberian tanah di depan Kota Kinabalu yang dikatakan telah dipohon oleh semua pihak. Jadi, diminta pihak kerajaan Persekutuan mengawasi dan juga mengawal perkembangan dan pentadbiran di peringkat negeri kerana ia dipimpin oleh seorang Ketua Menteri yang sekadar mempunyai 3 orang Wakil Rakyat di Dewan Undangan Negeri sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, secara singkat, saya ingin sentuh dari segi peruntukan yang dibekalkan bagi pembangunan di dalam perbekalan ini iaitu perkara pendidikan di bawah B.6—Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan. Di dalam perkara ini, saya ingin membawa kepada Dewan yang mulia ini perkara yang ada bersentuhan dengan perkhidmatan pendidikan para pegawai/pekerja sokongan yang pada mulanya bertugas di Universiti Kebangsaan Cawangan Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, mereka ini berjumlah kira-kira lebih 100 orang dan apabila kerajaan Persekutuan telah membuat keputusan untuk menubuh satu universiti baru di peringkat negeri, maka

akibatnya kampus Universiti Kebangsaan di Sabah ditutup dan apa yang penting ialah staffs—pegawai/kakitangan sokongan yang lebih daripada 100 orang, penempatan mereka telah pun dibincangkan pada masa itu dan bekas Menteri Pendidikan pada waktu itu mengatakan bahawa memandangkan mereka ini kebanyakan orang tempatan, tidaklah memadai kalau dibawa balik ke kampus di Bangi, jadi, keputusan yang dibuat, ialah supaya mereka ini diserapkan dalam kampus yang baru—kepada Universiti Sabah yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang terjadi adalah mengecewakan dan saya berharap pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan mengambil perkara ini dengan tegas, sebab apa yang terjadi akhirnya, bukannya mereka diserapkan tetapi diambil sebagai kakitangan baru di sana, dengan perlantikan yang baru termasuk menerusi percubaan (probation), walhal kebanyakan mereka ini sudah bertugas 10 ataupun 20 tahun dalam perkhidmatan pendidikan. Jadi, kita minta pihak kerajaan, khususnya pihak kementerian supaya mengambil langkah-langkah dan tindakan yang munasabah kepada golongan pegawai/pekerja sokongan ini supaya bukan mereka diberi lantikan baru di Universiti Sabah tetapi diserapkan sepertimana yang dijanjikan oleh pihak Menteri pada waktu itu supaya setiap hak mereka dari segi gaji dan elaun tidak terganggu, kerana seperti biasa mereka ini mempunyai komitmen-komitmen yang tertentu dan selain daripada itu tidak adillah bagi pihak mereka untuk diberi perlantikan baru walhal sudah lama di dalam Perkhidmatan Awam.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan masa yang singkat di dalam perkara ini, satu lagi perkara yang ada kaitan dengan ini ialah perkara berkaitan dengan cadangan kerajaan untuk memendekkan tahun pengajian di peringkat STPM—Tingkatan 6 bawah dan atas. Kita ingin

dalam bentuk ini, memberi ketetapan bahawa ini suatu perkara yang sangat penting, pihak kerajaan haruslah berjaga-jaga kerana kita tidak sekadar melihat universiti-universiti ataupun pusat-pusat pengajian di negara ini sebagai satu kilang mengeluarkan kertas kelulusan. Pada saat ini saya percaya dua tahun yang ditetapkan itu hendaklah dikekalkan kerana ia satu pencapaian yang berasaskan peperiksaan "A" level dan dengan itu telah mendapat penghormatan di peringkat antarabangsa bagi mereka yang ingin melanjutkan pelajaran di seberang laut. Jadi, setakat itu, dalam perkara pendidikan ini yang saya ingin sentuh.

Yang terakhir ialah di bawah peruntukan Jabatan Perdana Menteri dan Peguam Negara, Tuan Yang di-Pertua, kita ingin merekodkan juga pandangan kita dalam perkara ini iaitu berkaitan dengan surat layang 33 lembar yang telah pun dibincang oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Pendirian kita dalam perkara ini, keputusan yang telah dibuat adalah berbentuk tidak adil kerana tidak terbuka dan kita percaya kalaulah ingin mencari ketelusan dan keterbukaan dan juga keadilan, pihak orang yang telah dituduh hendaklah diberi peluang untuk membela diri dan dengan itu apa jua hasil siasatan haruslah dibuka kepada orang awam untuk kebaikan semua pihak supaya nama bagi pihak judiciary pun terbela dan bagi mereka yang dikatakan terlibat dalam perkara membuat surat layang, mereka juga dapat membela diri.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan masa yang singkat, sekadar itulah sumbangan saya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta kementerian menjawab.

5.35 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli

Yang Berhormat dari Tanjong, Marang, Parit Sulong, Kepong dan dari Bandau yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan kali ini.

Yang Berhormat dari Tanjong telah mengemukakan 8 soalan mengenai Peguam Negara dan surat layang dan saya telah mencatatkan kesemua 8 soalan itu. Bagi menjawab secara ringkasnya, Peguam Negara telah mengumumkan hasil siasatan polis dan BPR tentang pernyataan dalam surat layang. Siasatan lengkap telah menunjukkan bahawa tidak ada asas bagi pernyataan atau pertuduhan itu. Peguam Negara juga telah membuat keputusan untuk tidak mendakwa penulis surat layang itu setelah mengambil kira berbagai faktor. Faktor-faktor yang diambil kira memanglah hakikat bahawa penulis surat itu telah meletakkan jawatan. Namun ada lagi faktor-faktor yang tidak mewajarkan pendakwaan dibuat, walaupun penulis itu telah mengaku melakukannya dan walaupun apa yang telah tertuduh dalam surat layang itu tidak berasas.

**Tuan R. Karpal Singh (Bangun)**

**Tuan Yang di-Pertua:** Jelutong bangun, Yang Berhormat.

**Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Biar saya habiskan sekejap. Kehadiran Peguam Negara dalam Parlimen sebagai anggota ex-officio seperti Penasihat Undang-undang Negeri tidaklah perlu kerana penjelasan bagi tindakan beliau boleh diberikan kepada Parlimen oleh menteri yang bertanggungjawab. Bagaimanapun, perlu diingat bahawa tidak semua perkara yang boleh diberikan penjelasan kerana tanpa had kemunasabahan. Saya telah diberitahu bahawa Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri akan menjawab kesemua 8 persoalan tadi dan juga persoalan-persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Marang dan Yang Berhormat dari Bandau mengenai surat layang ini dalam sesi Jawatankuasa nanti.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Yang di-Pertua, Setiausaha Parlimen tadi ada menyatakan Peguam Negara tidak bercadang untuk mengambil tindakan ke atas hakim yang terlibat kerana dia sudah meletak jawatan dan itu hukuman yang mencukupi. Saya ingin mendapat tahu kenapa Peguam Negara tidak namakan hakim yang terlibat? Adakah apa-apa yang sulit untuk mengumumkan kepada negara, amnya. Bolehkah saya dapat tahu? Kerana sampai hari ini semua rakyat telah pun mengetahui bahawa ia adalah Syed Idid. Daripada Syed Idid pun tidak ada apa-apa pengakuan. Daripada Peguam Negara langsung tidak ada, siapa hakim yang terlibat. Bolehkah saya dapat nama hakim yang terlibat, nama yang ada dalam investigation papers? Investigation papers itu ada dihantar kepada Peguam Negara, bolehkah saya mendapat tahu nama dia sekarang. Jangan main-main, siapa nama dia?

**Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Saya rasa Yang Berhormat lebih tahu. Peguam Negara telah membuat keputusan untuk tidak menyatakan nama berkenaan. Walau bagaimanapun, secara metaphor dia telah mengatakan sepertimana yang dikatakan Yang Berhormat dari Tanjong tadi ada dua orang yang meletakkan jawatan; seorang dia sendiri, dan seorang yang lain. Jadi, daripada situ kita boleh buat inference siapa dia. Tetapi saya rasakan Peguam Negara sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, dia telah memutuskan tidak mahu menamakannya.

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak beri jalan atau tidak?

**Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Saya ingat oleh kerana ada 18 akta yang kita hendak bincangkan,.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, satu penjelasan sahaja. Bolehkah satu jaminan diberi bahawa

nanti dalam peringkat Jawatankuasa bahawa jawapan kepada 8 soalan yang ada ditujukan akan dapat jawapan daripada Jabatan Perdana Menteri?

**Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Saya tidak akan berikan jaminan di sini, tetapi saya akan pulangkan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk menjawab kesemuanya.

Mengenai soalan yang dibangkitkan oleh Marang tentang penyiaran di kaca TV kerana tidak dapat membendung program yang bersifat negatif dan tidak bersifat pendidikan. Sekarang ini Kementerian Penerangan sedang berusaha untuk mendapatkan 'production house', dengan izin, di tempatan, dan dengan cara ini sahajalah kita rasakan bahawa banyak nanti program tempatan akan ditayangkan.

Yang Berhormat dari Parit Sulong telah mengatakan bahawa di dalam akhbar pegawai kerajaan peringkat tertinggi akan mendapat insentif-insentif. Saya telah pun mendapat keratan akhbar yang berkenaan. Sepertimana yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa insentif-insentif diberi untuk menyaingi insentif-insentif eksekutif di pihak swasta supaya dapat membendung pihak-pihak eksekutif dalam kerajaan berpindah ke pihak swasta. Kita harap dapat menunggu penjelasan daripada JPA sepertimana yang dipinta oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Mengenai Lembaga Hasil Dalam Negeri yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kepong, kita mengetahui bahawa hasil dalam negeri bukan sahaja dipungut oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri, tetapi juga dipungut oleh jabatan-jabatan lain, seperti Jabatan Tanah, Jabatan Kastam dan sebagainya. Duit ini dipungut



sebagai revenue ataupun hasil. Daripada hasil itu akan dipecahkan kepada pembiayaan-pembiayaan pengurusan dan pembiayaan-pembiayaan pembangunan.

Yang Berhormat dari Bandau telah mengatakan mengenai ekonomi dan politik di Sabah, banyak perubahan yang telah berlaku, tetapi beliau mengatakan masih jauh lagi daripada manifesto yang dijanjikan. Yang Berhormat menyatakan bahawa orang-orang Sabah tidak mempunyai confident level terhadap kerajaan sekarang ini. Pada hemat saya, janji Kerajaan Persekutuan untuk menggilirkan jawatan Ketua Menteri itu sendiri, memainkan peranan yang penting untuk menaikkan confident level oleh orang-orang di Sabah tentang manifesto yang telah diperkatakan dan janji dikotakan.

Mengenai penerusan dasar pembangunan, oleh kerana jawatan-jawatan Ketua Menteri itu bergilir-gilir diganti mengikut apa yang telah dijanjikan, tentulah style dan gaya serta cara akan berubah dari orang ke seorang. Tetapi dasar tetap sama, kerana dasar itu dibuat oleh Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja response saya terhadap pandangan-pandangan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan perbahasan ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia satu bilion lima ratus enam belas juta, empat ratus lapan belas ribu, lima ratus enam (RM1,516,418,506) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1996, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia satu bilion lima ratus enam belas juta, empat ratus lapan belas ribu, lima ratus enam (RM1,516,418,506) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 1996 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 10 Tahun 1996 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesepuluh dan kesebelas penyata tersebut.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

**5.45 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan (Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh):** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada RM697,401,320 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1996 bagi Maksud-maksud Perbekalan B.4, B.6, B.7, B.10, B.11, B.20, B.30, B.32, B.34, B.36, B.42 hingga B.44, B.47 dan B.50 untuk kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang berkenaan dijadikan Jadual. Dan wang sejumlah tidak lebih daripada RM1,516,418,506 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), Tahun 1996 bagi Maksud-maksud Pembangunan P.17, P.28, P.32 dan P.47 untuk kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 10, Tahun 1996 dijadikan Anggaran Perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, saya telah pun menerangkan tentang keperluan bagi mengadakan peruntukan-peruntukan tambahan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 1996 dan juga Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 1996 kelmarin. Di samping itu, penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan anggaran tambahan ini adalah juga diberi dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9A, Tahun 1996 bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama, 1996 dan Kertas 10A Tahun 1996 sebagai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 1996. Oleh itu, saya tidak berhajat untuk memberi apa-apa penerangan tambahan lagi.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan (Tuan Chor Chee Heung):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Maksud B.4, B.6, B.7, B.10 dan B.11 (Jadual) -**

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.4, B.6, B.7, B.10 dan B.11 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas. Jelutong.

**5.48 ptg.**

**Tuan R. Karpal Singh (Jelutong):** Tuan Pengerusi, saya rujuk kepada Maksud Bekalan B.10—Jabatan Peguam Negara. Tuan Pengerusi, apa yang ada dipohon adalah lebih kurang RM2 juta untuk membiayai perbelanjaan bagi menganjurkan mesyuarat Menteri Undang-undang Komanwel di Kuala Lumpur pada bulan April lalu.

Tuan Pengerusi, anggaran yang dipohon, angka yang dipohon bagi satu mesyuarat dalam negara kita, mesyuarat Menteri-menteri Peguam Negara dari negara-negara dalam Komanwel. Apabila persidangan ini diadakan di Kuala Lumpur, apa yang meletup adalah krisis kerana apa yang diumumkan pada masa itu adalah surat layang terhadap hakim-hakim dalam negara kita. Isu yang penting, isu yang harus diambil berat oleh Peguam Negara banyak masa yang digunakan untuk membuat penyiasatan dalaman dan sebagainya.

Persidangan Mesyuarat Menteri-menteri Undang-undang sudah habis tetapi ini bukan bermakna apabila menteri-menteri dan peguam-peguam negara dari negara-negara lain dalam Komanwel kembali selepas tamat persidangan, tidak payah untuk mengumumkan kepada negara apa yang sebenarnya terjadi dan

apa hasil penyiasatan untuk memberi satu gambaran kepada negara bahawa selepas surat layang ini diumumkan imej badan kehakiman tidak merosot. It is intact, badan ini boleh dipercayai. Pelabur asing yang ada di sini dan yang akan datang ke sini ada kepercayaan dalam badan kehakiman.

Apa yang saya ada dengar Tuan Yang di-Pertua, selepas surat layang ini diumumkan—walaupun ia merupakan hasutan tetapi surat layang ini ada memasuki rumah kediaman dan pejabat-pejabat dalam negara ini, dengan meluas. Tidak boleh dinafikan, effect and consequence, dengan izin, adalah apa yang harus dipertimbangkan oleh kerajaan kerana jika apa yang harus disiasat dan tentukan tidak dibuat, Tuan Pengerusi, bagi masa hadapan badan kehakiman adalah satu masa yang tidak berapa cemerlang.

Saya ada dengar Tuan Pengerusi, ada beberapa pelabur asing dan syarikat-syarikat yang ada di dalam negara kita ini mencari langkah yang lain kerana tidak ada kepercayaan dalam badan kehakiman, tetapi mereka ada investment, bukan satu investment yang kecil tetapi angka-angka yang berjumlah jutaan dan lebih daripada itu. Orang-orang ini, corporations ini mahu jaminan bahawa jika ada apa-apa dispute, ada apa-apa kes guaman dalam mahkamah-mahkamah dalam negara ini, mereka boleh berpuashati dengan keputusan mahkamah dan untuk itu jika tidak ada kepercayaan dalam badan kehakiman, itu tidak boleh dicapai. Apa yang dinyatakan oleh rakyat dan corporations adalah seperti ini, untuk mengadakan satu clause dalam perjanjian bahawa jika ada apa-apa dispute, itu dihantar kepada atau dibawa kepada bukan mahkamah dalam negara kita, tetapi hendaklah dibawa ke mahkamah di Singapura dan bagi kes-kes sivil, situasi seperti itu dibolehkan di bawah undang-undang. Bukan kes jenayah tetapi kes-

kes sivil, Tuan Pengerusi, arbitration clause pun boleh diadakan. The proper law to apply to any dispute, boleh dimasukkan dalam perjanjian.

Tetapi kenapa keadaan seperti ini sudah timbul? Kenapa tidak berlaku di masa dahulu? Tuan Pengerusi, badan kehakiman bukan satu badan yang baru ditubuhkan di dalam negara kita. Badan kehakiman telah ada di sini semasa Malaya di 'civilised' kan. Sebelum penjajah datang ke negara kita, sebelum 1786 apabila Sir Francis Light datang ke Pulau Pinang. Selepas itu undang-undang penjajah (English Law) diterima di Pulau Pinang dan selepas itu kepada negeri-negeri lain dalam Malaya dan selepas Sabah dan Sarawak memasuki Malaysia.

Baru-baru ini krisis kepercayaan dalam badan kehakiman timbul, bukan semasa British ada di sini, satu badan kehakiman yang kuat yang at the confidence of the people, apabila Ketua Hakim Negara adalah Sir Thomson. Selepas itu Lord President Azmi, selepas itu Tun Suffian, Raja Azlan Shah dan Tun Salleh Abas. Tidak ada timbul langsung tuduhan atau apa-apa rumour bahawa badan kehakiman, hakim-hakim tertentu atau umumnya adalah korup. Kenapa sekarang ada keraguan dalam integriti badan kehakiman? Tetapi apa yang penting Tuan Pengerusi ialah peranan Peguam Negara, imej Peguam Negara negara terjejas apabila peranannya dalam kes Rahim Thamby Chik, alegasi-alegasi korupsi terhadapnya dan yang lebih penting daripada itu ialah penglibatan namanya dengan gadis berumur bawah 16 tahun.

Dalam sidang akhbar, Peguam Negara acquitted and discharged Rahim Thamby Chik tetapi found the girl guilty, at public trial, bukan satu trial di mahkamah, tetapi satu perbicaraan yang umum. Itu jadi satu peranan Peguam Negara yang tidak diterima oleh rakyat dan selepas itu Tuan Pengerusi, isu surat layang (poison-pen-

letters) terhadap hakim-hakim. Dalam isu ini, saya harap Timbalan Menteri dari Jabatan Perdana Menteri, dia ketawa sekarang, dia akan menjawab dengan ikhlas. Jangan seperti Setiausaha Parlimen dari kementerian tadi. Jawapan apa itu? Tidak payah jawab, you make a mockery of yourself—itu apa yang ada dicapai oleh dia, atas satu isu penting seperti ini dan rakan saya dari Tanjong dalam ucapannya ninety percent of his speech; dengan izin, adalah atas isu ini.

Apabila Tuan Pengerusi menjemput kementerian untuk menjawab, apa jawapan yang diberi? Tidak payah menjemput dia lain kali, Tuan Pengerusi. Polisi atau dasar itulah masanya kerajaan harus menjawab, tidak payah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang baru masuk ke Dewan ini (*kepada Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz*) sebelum itu beliau berada di luar. Kenapa beliau berada di luar? Tidak diketahui.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz):** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Sila.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Penjelasan. Tadi, di masa Yang Berhormat dari Jelutong bercakap, kalau tidak silap kawan-kawan saya ada nampak saya berada di belakang sana. Adakah Yang Berhormat nampak saya? Tidak nampakkan? Itu soalan saya. Saya ada di belakang sana.

**Tuan R. Karpal Singh:** Bukan tempatnya di sana untuk menjawab, tidak payah menjadi satu 'hantu' di belakang. Apa yang penting adalah berada di sini berhadapan untuk menjawab, bukan?

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila Yang Berhormat. Yang Berhormat dari Jelutong sila teruskan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Dia minta jawab tadi.

**Tuan Pengerusi:** Tidak apa, sila teruskan. Ya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Baik, Tuan Pengerusi. Dia ganggu saya, saya tidak tahu di mana peringkat tadi. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi, mengenai peranan Peguam Negara. Lebih kurang 1 jam diperuntukkan pada hari ini dan kelmarin. Tetapi apa yang saya difahamkan 15 minit di atas tajuk ini. Saya harap apabila dalam peringkat ini, apabila Perdana Menteri menjawab, jawablah kepada apa yang harus dijawab. Bagi saya apa yang straight forward, apa yang semua rakyat mahu mengetahui adalah siapa hakim ini. Walaupun apa yang saya katakan tadi ialah Datuk Syed Ahmad Idid, dia tidak boleh dinafikan, dia sudah melarikan diri daripada negara ini. Apa yang saya difahamkan beliau berada di London sekarang. Beliau adalah seorang hakim yang dipilih kerana ada integriti, ada kebolehan memuaskan untuk dilantik sebagai hakim. Dia telah melarikan diri. Peguam Negara pula tidak mahu menjawab apa yang harus dijawab olehnya kepada wartawan, apabila ditanya siapakah hakim ini? Tetapi apa yang saya difahamkan Tuan Pengerusi, dalam penyiasatan awal mengenai 'surat layang' ini anggota polis ada mendapati type-writer dan sebagainya, itu ada diumumkan oleh Peguam Negara, di dalam kediaman hakim ini.

Tuan Pengerusi, saya tidak tahu sama ada Tuan Pengerusi, ada membaca dua 'surat layang' ini. Apa yang terkandung di dalam 33 muka surat itu, yang pertama dan kedua lebih kurang sama. Yang kedua ada butir-butir lebih daripada apa yang terkandung dalam surat yang pertama.

Tuan Pengerusi, dalam fikiran dan pandangan saya, Datuk Syed Ahmad Idid adalah 'the foul guy', Peguam Negara mengetahui ini, bukan dia seorang kerana

jika apa yang ada di dalam surat-surat ini, kalau diteliti Tuan Pengerusi, itu bukan kerja seorang; tidak boleh, 'it doesn't take a genius to know, it was not the work of one man' dengan izin, dan Peguam Negara is pulling the wool over the eyes of the rakyat, dengan izin, terus terang. Syed Ahmad Idid ada diugut, dia merasa takut, apa kaliber hakim ini saya pun hairan? Kenapa jika dia yang menjadi penulis bagi kedua-dua 'surat layang' ini bukan 'seven year' yang menjadi puncanya dia meletak jawatan sebagai hakim - RM16,000 sebulan. Apa yang menjadi kehilangannya? So, kenapa dia meletakkan jawatan? Ini menjadi hakim yang pertama, yang dengan sukarela meletakkan jawatan. Salleh Abbas ada dipecat dan ada dua tiga orang hakim yang lain kerana uzur, sakit telah bersara—itu bukan letak jawatan. Ini adalah kali yang pertama, kehilangan yang besar baginya. Kenapa? Jika dia ada diugut dan Peguam Negara adalah seorang yang waras, apabila dokumen-dokumen dan kertas-kertas penyiasatan ada dihantar kepadanya tentu dia membaca isi kandungannya. Bolehkah dia mempercayai bahawa Datuk Syed Ahmad Idid tanpa orang lain ada terlibat dalam perkara ini, Peguam Negara mengetahui apa yang sebenarnya, bukan dia seorang sahaja, tetapi ada orang yang lain!

Saya merayu kepada Datuk Syed Ahmad Idid kembali ke negara ini, 'be a man', membongkar, memberitahu dengan sebenarnya mengenai peranannya dalam 'surat layang' ini. Kenapa menjadi penulis? Kerana tidak ada pilihan lain? Adakah ini bagi kepentingan negara? Tidak ada kepercayaan dalam polis, BPR, oleh itu mencari jalan ini dan saluran ini untuk membongkarkan apa yang harus dibongkarkan bagi kepentingan negara. Adakah itu yang menjadi sebab hakim ini 'korban sendiri'? Jika perlu, biarlah Peguam Negara membawa dia ke mahkamah, dan dalam mahkamah beliau boleh mempertahankan diri, dan jika perlu DAP bersedia untuk memberi

perkhidmatan peguam tanpa apa-apa bayaran bagi kepentingan orang ramai untuk mendapat tahu apa yang sebenarnya berlaku, untuk mengetahui sebab bagaimana hakim ini 'korban sendiri'.

Tuan Pengerusi, apa yang saya nyatakan tadi bukan lewat untuk memulihkan imej kehakiman.

Apa yang dinyatakan oleh Peguam Negara baru-baru ini dalam surat khabar, gambarnya besar sekali, 'half the page, practically', dengan warna, menyatakan: "The judiciary has been cleared...", Nazri, has it really been cleared? (*Ketawa*) Ini ....

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya membangkang kerana dia menggunakan nama saya dalam Dewan ini!

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ya, itu saya tahu, mahu kacau dia sedikit, dia bangkit. (*Ketawa*) Saya tahu. Stand up more often.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, sila teruskan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Sila teruskan. Yang Berhormat mengulang-ulangkan hujah Yang Berhormat itu.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Pengerusi, ulangkan kerana tidak ada jawapan yang diberi oleh kerajaan. Tadi apa yang dibuat oleh setiausaha itu?

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Pengerusi, 'define', tidak ada jalan lain untuk 'repeat it until they have no need it but to reply'—ini satu taktik! And I hope it works. Unlikely, it will bagi the

Government we have, sebagai ostrich, Peguam Negara mengetahui apa yang sebenarnya kisah dalam dalam surat layang tetapi tidak mahu membongkarnya.

Tuan Pengerusi, saya harap dalam jawapan, saya harap Timbalan Menteri akan menjawab, bukan sahaja apa yang ada dinyatakan oleh rakan saya dari Tanjung tetapi juga oleh saya tadi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yan.

**6.12 ptg.**

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin (Yan):** Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap tentang Maksud B.50 iaitu tambahan sebanyak RM400 juta bagi MARA membiayai program penaja pelajar.

Tuan Pengerusi, saya pertama mengucap terima kasih kepada kerajaan yang telah memberi RM400 juta. Tetapi sebenarnya, RM400 juta amatlah tidak mencukupi bagi MARA untuk menaja ataupun memberi biasiswa kepada penuntut-penuntut Melayu kita untuk melanjutkan pelajaran, bukan sekadar di dalam negeri malah di luar negara kita.

Tuan Pengerusi, kadang-kadang orang mempersoalkan begitu banyak peruntukan diberi kepada MARA; ke manakah duit itu pergi?

Tuan Pengerusi, investment kita di dalam pendidikan adalah untuk keuntungan kita di masa hadapan. Dan kita sedia maklum, kalau penuntut itu mendapat kepujian yang baik di dalam peperiksaan mereka, maka kita anggap itu sebagai biasiswa dan kalau mereka hanya berjaya dalam peperiksaan, kita hanya menuntut mereka membayar balik 25%. Dan ini adalah anak-anak Melayu kita yang tidak kaya, yang miskin, anak orang miskin, anak orang yang

berpendapatan rendah, anak pegawai-pegawai kerajaan yang berpendapatan sederhana, malah anak pegawai kerajaan yang berpendapatan tinggi sekalipun, kalaulah dua orang anak dia terpaksa dihantar keluar negara untuk melanjutkan pelajaran, maka cash flow pak mak dia itu pun haru biru juga. Tuan Pengerusi, saya faham!

Tuan Pengerusi, apatah lagi kalaulah anak seorang petani, seorang nelayan, penoreh getah yang mendapat tawaran untuk melanjutkan pelajaran. Di manakah mereka hendak mencari duit?

Tuan Pengerusi, saya faham, fasal saya mengalami perkara seperti ini dan kebanyakan wakil rakyat mengalami keadaan seperti ini. Apabila seorang anak itu ditawarkan untuk memasuki universiti sama ada tempatan ataupun luar negara kita, di saat anak itu menunjuk surat tawaran atau kejayaan itu kepada bapanya, bapanya pada mula-mulanya akan merasa seronok kerana: "Anak aku ini berjaya masuk universiti, sungguhpun aku ini pergi ke laut", dia kata. Selepas itu dia akan melengung, dia akan fikir mana dia nak 'pi kagha' duit ini hendak hantar budak ini pi. Mana dia hendak pi cari duit? Tak usah kata hendak pi luar negeri, hak yang nak mai daripada Yan mai hendak belajar di universiti di Bangi pun bergadai, orang susah hendak gadai apa lagi Tuan Pengerusi. Gelang pun gelang palsu kadang-kadang. Gagah juga hendak pakai gelang, cari hak yang celup punya. Ha!

**Seorang Ahli:** Gadai kain.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Pengerusi, hendak gadai kain berapa duit hendak laku? Pajak gadai pun tak mahu ambil.

Tuan Pengerusi, jadi, dahulu saya telah menyarankan kepada MARA perbelanjaan pendahuluan untuk anak-anak miskin ini melanjutkan pelajaran patut diberi.

Kerajaan memang bagus, tak ada dah kerajaan dalam dunia macam Barisan Nasional ini, biar pilah apa pun pembangkang kata, tetapi 'the best government in the world', dengan izin. (Tepuk) Dengan Perdana Menteri dah 15 tahun jadi Perdana Menteri, mana hendak cari macam ini punya Perdana Menteri? Muka pun macam film star punya segak! (Tepuk) Jadi Perdana Menteri pula, orang hormat kepada kita pula, Tuan Pengerusi, serba-serbi Tuhan beri elok kepada dia.

Tuan Pengerusi, kita hantar daripada Tadika, kerajaan beri bantuan. Susu beri, coklat beri, macam-macam beri, mainan pun dulu bukan zaman macam zaman kita, dulu dok dalam tong ataupun tarik upeh ataupun dok dalam tong susu, kawan tarik! Habis-habis tak dak main goli dulu, hak yang kalah sua tangan 'puak! puak!' dia beri tang ni. Itu sahaja mainan kita dahulu. La ini kita pi tengok Tadika, dia beri roket, dia beri kapal terbang mainan budak-budak, untuk apa? Untuk budak-budak ini belajar ke depan.

Tuan Pengerusi, lepas itu sekolah rendah dia beri bantuan semua, menengah dan sebagainya tetapi bila budak ini hendak masuk ke universiti, perbelanjaan pendahuluan untuk anak ini hendak pergi ke universiti tak ada! Tidak ada duit! Paknya hendak pergi cari mana, habis-habis tak dak baru ini saya dapat tengok surat universiti di Johor, hendak kena bayar dahulu RM1,200, dia pergi ke laut atau dia buat bendang dua relung, dia nak pi kagha tang mana RM1,200?

Tuan Pengerusi, dia tak upaya! 'Celapak' mai wakil rakyat. Wakil rakyat pun RM5,800 elaun sebulan! RM5,800 itu hendak jaga rakyat, hak di rumah pun hendak 'nyam' juga, Tuan Pengerusi, kan? Orang panggil 'Yang Berhormat', kot pun hendak kena hantar dry cleaning. Itu pun ada wakil rakyat pakai kot, sampai naik dua line, bangsa seterika sendiri! (Ketawa) Naik dua line kot! Itu wakil rakyat!

Jadi, macam mana budak ini hendak melanjutkan pelajaran, ada yang tak boleh pergi. Jadi, saya mencadangkan peruntukan MARA ini dia kena ada. Jadi, bila anak ini dapat surat, dia pergi kepada Pegawai MARA Daerah tunjuk surat ini MARA proses berilah pendahuluan kepada budak ini, RM2,000 atau RM2,500 untuk hendak bayar yuran masuk, hendak beli kain baju, hendak beli perkakas-perkakas berus gigi, ubat gigi semua ini hendak kena beli juga, shampoo pun hendak kena beli juga, kalau tidak 'beketang' rambut budak itu. (Ketawa)

Tuan Pengerusi, semua ini duit! Dahlah pak pi ke laut rambut naik merah, takkan anak pun hendak merah juga masuk universiti.

Tuan Pengerusi, jadi semua ini duit!

Tuan Pengerusi, kemudian dia masuk universiti, biasiswa bukan hari ini masuk, esok dapat. Habis-habis tak ada pun tiga bulan. Saya biasa melawat di universiti-universiti, student ini kadang-kadang makan mee maggi sahaja, duit tak ada hendak buat macam mana? Mee maggi dengan telur rebus, tahanlah sehari, telur rebus itu kita makan dia tahanlah perut hendak belajar.

Tuan Pengerusi, jadi, peranan MARA kena buat macam itulah, hendak pergi mana lagi? Kita tengok dalam surat khabar RM400 juta besar tetapi tak ada apa, satu student kita hantar overseas pun dok ada RM150,000 seorang, tak masuk tambang itu ini lagi!

Jadi, kita janganlah dok persoal sangat, kalau kita hendak tolong MARA, hendak tolong anak bangsa Melayu kita, kita dok persoalkan tentang duit ringgit, saya cukup pantang. Tuan Pengerusi, kesihan hak yang di kampung! Di pekan tak apa, itu pun di pekan tanyalah pegawai-pegawai division satu itu pun, dua masuk universiti mak pak jalan mengengkang, tak upaya dah—persiapan! (Ketawa) Dak ini sungguh pun.

Tuan Pengerusi, saya ada anak saya, hak tua itu belajar di luar negeri, itu pun penat juga pak ini—mana nak dok bersyarah, mana nak cari duit hendak beri anak belajar. *(Ketawa)*

Tuan Pengerusi, jadi, saya haraplah kerajaan pertimbangkan, jangan main-main perkara ini. Jadi, la ni, MARA ini satu badan payung kepada orang Melayu, bila MARA hari itu timbul dalam surat khabar kelam kelibut sedikit habis orang kampung susah hati. Hak anak dok belajar di luar negeri pun susah hati, pak ingat kerajaan tak hantar dah, nun anak hendak makan atau tak makan di luar negeri. Mai tanya wakil rakyat, saya khabar: "Pak cik jangan susah hati eh! Kerajaan dia tak tahan anak-anak Melayu kita ini tak makan di luar negeri!" Sampai macam itu, Tuan Pengerusi, kalau bercakap fasal MARA.

Jadi, saya harap sangatlah kepada kerajaan pertimbangkan supaya la ni kita tak mahu, kita hendak kurang anak kita pergi ke luar negeri. Hak dalam negeri pun tak cukup hendak belajar. Jadi, kerajaan kena bertindak dengan segera untuk kita mempertingkatkan pemberian biasiswa terus kepada anak-anak bangsa kita ini.

Tuan Pengerusi, di samping itu perbanyakkan duit elaun ataupun peruntukan untuk pusat-pusat latihan yang MARA buat ini, Pusat Giat MARA, IKM dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, satu ketika di Pusat Giat MARA hendak beli plywood—duit tidak ada. MRSM—pukul 10.00 tutup lampu dah.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat berucap di bawah Kepala apa?

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Kepala? Bila panjang sedikit macam-macam kepala masuk. *(Ketawa)* B.50, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Bukan ini, Yang Berhormat bercakap di bawah B.4, B.6, B.7, B.10 dan B.11.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Berapa entah? *(Ketawa)* Saya tidak lari dari tajuk, Tuan Pengerusi, fasal yang ini peruntukan RM400 juta hak MARA.

**Tuan Pengerusi:** RM400 juta yang mana? Tidak ada RM400 juta. *(Ketawa)*

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tadi, saya tak dan hendak bercakap, Tuan Pengerusi. Perusahaan Awam, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Perusahaan Awam? Tetapi sekarang kita bercakap di atas Jabatan Perdana Menteri. *(Ketawa)*

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Itu dia. Bila semangat lebih, kepala apa pun dia sondol. *(Ketawa)* Tidak apa. Kalau begitu tidak apalah. Saya berundur dahulu, cuma dalam Jabatan Perdana Menteri saya hendak bercakap sedikit tentang elauan wakil rakyat. Hak itu bolehkah Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi:** Yang mana itu?

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Hak Jabatan Perdana Menteri, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Tidak ada. *(Ketawa)*

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tidak ada? *(Ketawa)* B.7 Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Jabatan Perdana Menteri, tidak ada, tidak termasuk di situ.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tidak apalah, saya masuk lewat, saya dengar Yang Berhormat Jelutong dok bang, bang, saya pun bang samalah.



(*Ketawa*) Tidak apalah Tuan Pengerusi, nanti saya sambunglah. Terima kasih, saya menyokong (*Ketawa*).

**Tuan Pengerusi:** Sila.

### 6.23 ptg.

**Tuan Chang See Ten (Gelang Patah):** Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan Akta Perbekalan ini dan saya ingin sentuh Kepala B.11—Badan Pencegah Rasuah yang mana peruntukan sebanyak RM3,220,000 akan diadakan untuk membiayai pembelian kenderaan serta alat-alat kelengkapan pejabat sebagai satu langkah untuk mempertingkatkan lagi kecekapan dalam menghadapi gejala rasuah.

Tuan Pengerusi, kebelakangan ini kita sering membaca daripada lembaran akhbar atau mendapat tahu daripada berita televisyen tentang kes para pemandu kenderaan yang diberkas kerana cuba memberi rasuah kepada anggota-anggota polis trafik sebagai ganjaran untuk tidak mengambil tindakan ke atas kesalahan mereka ketika memandu di jalan raya. Nampaknya usaha pihak berkuasa memerangi rasuah telah menunjukkan sedikit hasil yang positif. Tahniah dan syabas kepada pasukan Polis Diraja Malaysia, khususnya kepada para anggota polis trafik yang terbabit. Sungguhpun begitu, kita perlu sedar bahawa masalah rasuah ini sebenarnya bukan sahaja wujud dalam pasukan polis malah ia telah merebak begitu luas sekali sehingga membabitkan banyak agensi atau jabatan kerajaan dan organisasi swasta dan wujud dalam beberapa bentuk.

Tuan Pengerusi, menurut Prof. Dr. Shamsul Amri Baharudin dari Universiti Kebangsaan Malaysia, rasuah boleh dikategori kepada 3 jenis yang utama.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat berucap atas dasar itu. Kita dalam Jawatankuasa tidak boleh

bercakap di atas dasar. Dalam Jawatankuasa kita kena bercakap di atas detailnya sahaja. Peraturan 67(9) menyatakan iaitu hendaklah bercakap di atas detail, kita bercakap di atas butir-butir sahaja dan bukan di atas dasarnya.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Pengerusi, saya cuma hendak bayangkan kategori rasuah kerana sekarang berbangkit dengan Badan Pencegah Rasuah.

**Tuan Pengerusi:** Itu betul Yang Berhormat, tetapi itu ialah atas dasar, berucaplah pada detailnya di atas kes-kes, butir-butir dan sebagainya.

**Tuan Chang See Ten:** Saya akan cuba pendekkan.

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya.

**Tuan Chang See Ten:** Terima kasih. Tuan Pengerusi. Jenis yang pertama tentang rasuah adalah boleh diisytiharkan sebagai makan suap. Ini melibatkan pemberian dalam bentuk tunai, selalunya atau lain-lain hadiah yang berpunca dari satu pihak yang dikenakan kepada satu pihak yang lain yang mempunyai kuasa untuk mendapat dan meluluskan kehendak tersebut. Perbuatan merasuah anggota polis trafik adalah tergolong dalam kategori ini.

Jenis kedua ialah sebagai ugutan dan jenis ketiga diisytiharkan sebagai pilih kasih (nepotism). Ia merupakan satu fenomena yang juga digolongkan di bawah rasuah.

Tuan Pengerusi, adalah jelas bahawa ketiga-tiga jenis rasuah yang saya huraikan tadi adalah kegiatan-kegiatan yang membelakangkan kepentingan awam atau orang ramai demi kepentingan perseorangan atau sekelompok kecil

manusia dalam sesebuah masyarakat dan adalah ketara bahawa perbuatan-perbuatan sedemikian bercanggah dengan matlamat Wawasan 2020 yang begitu menekankan keadilan sosial, ketinggian moral serta pengagihan kekayaan yang saksama di kalangan rakyat jelata. Justeru itu, demi kebajikan golongan majoriti dan juga penjagaan imej serta keberkesanan jentera pentadbiran, kita perlu berjuang dengan lebih giat lagi ke aras membanteras sebarang amalan rasuah. Tumpuan kita bukan sahaja didedahkan kepada amalan menerima dan memberi rasuah di dalam urusan melibatkan pihak polis sebaliknya harus meliputi segenap pelusuk dan setiap lapisan masyarakat.

Dengan kata-kata sedemikian, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, Maksud B.11 itu. Sekian Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat kita sambung besok.

**Majlis Mesyuarat bersidang semula.**

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

6.29 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan (Tuan Chor Chee Heung):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

## UCAPAN PENANGGUHAN

### KENAIKAN TAMBANG FERI PULAU PINANG- BUTTERWORTH

6.30 ptg.

**Tuan Lim Hock Seng (Bagan):** Tuan Yang di-Pertua, ucapan penangguhan saya adalah seperti tajuk yang berbunyi dan saya meminta jawapan yang memuaskan dari Menteri.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan (Tuan Chor Chee Heung):** Tuan Yang di-Pertua,.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa Yang Berhormat kena ucap. Tak boleh ucap begitu. Sila.

**Tuan Lim Hock Seng:** Dengan keizinan Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan Ucapan Penangguhan saya, tetapi oleh kerana selalunya Ucapan Penangguhan akan dibunuh oleh back-bencher yang ada di sebelah sana. Demi untuk menyelamatkan Ucapan Penangguhan saya, saya terpaksa membuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, kenaikan tambang feri Pulau Pinang dengan Butterworth.....

**Dr. Tan Yee Kew:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun.

**Dr. Tan Yee Kew:** Point of order. Tuan Yang di-Pertua, tak cukup korum.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cuba bilang. (*Ketawa*)

**Tuan Lim Hock Seng:** Bunuh sendirilah.

**Tuan Yang di-Pertua:** 13 orang. Ya, tak cukup korum, sila bunyikan loceng.

*Loceng dibunyikan.*

*(Ahli-ahli dikira: kurang daripada 26 Ahli hadir)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan pada hari ini dan disambung pada hari esok jam 2.30 petang.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*